05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

HUBUNGAN DI ANTARA BEBAN TUGAS GURU DENGAN KEPIMPINAN GURU DI SEKOLAH RENDAH DAERAH PERAK TENGAH

ZULKIPLI BIN ZAKARIA

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (√)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

√

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 15 (hari bulan) 09 (bulan) 20 20

i. Perakuan pelajar :

Saya, **ZULKIPLI BIN ZAKARIA M20161000549 FPE** (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **HUBUNGAN DI ANTARA BEBAN TUGAS GURU DENGAN KEPIMPINAN GURU DI SEKOLAH RENDAH DAERAH PERAK TENGAH, PERAK DARUL RIDZUAN**

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROF. MADYA DR JAMAL @ NORDIN YUNUS** (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **HUBUNGAN DI ANTARA BEBAN TUGAS GURU DENGAN KEPIMPINAN GURU DI SEKOLAH RENDAH DAERAH PERAK TENGAH, PERAK DARUL RIDZUAN.**

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA PENGURUSAN PENDIDIKAN** (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

15 / 09 / 2020
Tarikh

Tandatangan Penyelia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s:1/1

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title*: **HUBUNGAN DI ANTARA BEBAN TUGAS GURU DENGAN KEPIMPINAN GURU DI SEKOLAH RENDAH DAERAH PERAK TENGAH**

No. Matrik /*Matric's No.*: **M20161000549**

Saya / *I* : **ZULKIPLI BIN ZAKARIA**

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (√) for category below:-*

☐	**SULIT/*CONFIDENTIAL***	Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
☐	**TERHAD/*RESTRICTED***	Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restircted information as specified by the organization where research was done.*
☑	**TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***	

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Prof. Madya Dr. Hamal @ Nordin Yunus
(Penyarah Kanan),
Fakulti Pengurusan & Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh: **15 / 10 / 2020**

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Alhamdulillah,
Segala puji bagi Allah S.W.T. Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan kudrat-Nya dapat saya menyempurnakan disertasi ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada Pensyarah Penyelia Utama, Prof. Madya Dr. Jamal @ Nordin Yunus serta penyelia bersama Prof. Madya Dr. Khalip Musa di atas bimbingan, tunjuk ajar, teguran, saranan, motivasi, dorongan dan perkongsian idea serta kesabaran sewaktu membimbing saya dengan penuh dedikasi sepanjang saya menjalankan kajian ini. Semoga Allah S.W.T. dapat membalas segala jasa dan kebaikan ini. Sekalung penghargaan terima kasih juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, UPSI yang telah mencurahkan ilmu pengetahuan yang begitu bermakna kepada saya. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri Perak, di atas kebenaran yang diberikan untuk menjalankan kajian ini. Terima kasih juga kepada Bahagian Tajaan, KPM kerana meluluskan kepada saya Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi menyempurnakan pengajian ini. Tidak lupa juga penghargaan ditujukan kepada guru besar, penolong kanan , dan khususnya pada semua guru di sekolah rendah di Daerah Perak Tengah yang telah memberikan kerjasama yang amat baik sepanjang saya menjalankan penyelidikan ini. Kepada rakan-rakan seperjuangan pelajar Sarjana Pengurusan Pendidikan sesi 2016/2017, terima kasih atas sokongan, bantuan berupa buah fikiran, bimbingan dan motivasi yang diberikan ketika sama-sama berjuang menyiapkan tugasan ini. Kepada isteri-isteri tersayang, Patmawati binti Yusoff dan Siti Jariah binti Selamat, terima kasih diucapkan kerana sentiasa memberikan semangat dan sokongan yang padu untuk saya menimba ilmu serta meneruskan pengajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk menentukan hubungan di antara beban tugas guru dengan kepimpinan guru di sekolah rendah di daerah Perak Tengah. Reka bentuk kajian ini adalah kajian tinjauan secara kuantitatif. Konstruk beban tugas dan kepimpinan adalah berdasarkan kepada teori Herzberg dan model kepimpinan Katzemeyer dan Moller. Sampel kajian telah dipilih secara rawak bersistematik iaitu seramai 291 guru daripada populasi kajian seramai 1,169 guru. Soal selidik digunakan sebagai alat kajian untuk mengumpul data kajian. Data kajian dianalisis secara deskriptif dan inferens menggunakan kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan guru menyatakan bahawa beban tugas mereka adalah kurang berat (M = 3.39; SP = 0.87). Dalam konteks kepimpinan, guru percaya bahawa pentadbir sekolah amat kerap (M = 3.77; SP = 0.79) mengurus sekolah dalam aspek pembangunan, hubungan kerjasama, penyertaan, komunikasi, persekitaran positif, autonomi dan pengiktirafan. Walaubagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan (r = 0.029; p > 0.05) di antara beban tugas dengan kepimpinan guru. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa beban tugas guru bukanlah merupakan faktor utama yang memberi kesan terhadap kepimpinan guru di sekolah rendah di daerah Perak Tengah. Impikasi kajian menunjukkan kepimpinan guru perlu diperkasakan untuk meningkatkan kualiti profesional guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RELATIONSHIP BETWEEN TEACHERS' WORKLOAD AND TEACHERS' LEADERSHIP AT PRIMARY SCHOOL IN PERAK TENGAH DISTRICT

ABSTRACT

This study was conducted to determine the relationship between teachers' workload and teachers' leadership at primary schools in Perak Tengah district. The research design for the study was a survey method. The constructs of teachers' workload and leadership are based on Herzberg's theory and Katzemeyer and Moller Leadership Model. Selection of sample in this study was based on systematic random sampling where a sample of 291 teachers was selected from the population of 1,169 teachers. Questionnaire was used as a tool for collecting data. This data was analysed descriptively and inferentially by using frequency, percentage, mean, standard deviation and Pearson correlation. Overall, the main finding of the study showed that teachers stated that their workload was less heavy (M = 3.39; SD = 0.87). In the context of leadership, teachers believed that school administrators often (M = 3.77; SD = 0.79) manage schools in terms of development, collegiality, participation, communication, creating positive environment, fostering autonomy, and giving recognition. However, the data of the study showed that there was no significant relationship (r = 0.029; p> 0.05) between teachers' workload and teacher's leadership. In conclusion, this study shows that the workload of teachers is not a major factor that affects teachers' leadership in primary schools in Perak Tengah district. The implication of the study indicate that teacher's leadership needs to be strengthened to enhance the professional quality of the teachers.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Muka Surat
PENGAKUAN		ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DESERTASI		iii
PENGHARGAAN		iv
ABSTRAK		v
ABSTRACT		vi
KANDUNGAN		vii
SENARAI JADUAL		viii
SENARAI RAJAH		ix
SENARAI SINGKATAN		x
BAB 1 PENGENALAN		
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	5
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Tujuan Kajian	9
1.5	Objektif Kajian	10
1.6	Soalan Kajian	10
1.7	Hipotesis Kajian	11
1.8	Kerangka Teori / kerangka Konseptual Kajian	12
1.9	Kepentingan Kajian	14
1.10	Batasan Kajian	16
1.11	Definisi Operasi	
	1.11.1 Beban Tugas	17

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.2 Guru 18

1.11.3 Tugas Akademik 18

1.11.4 Tugas Bukan Akademik 19

1.11.5 Kepimpinan Guru 21

1.11.6 Sekolah Rendah 24

1.12 Rumusan 25

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 26

2.2 Teori / Konsep

2.2.1 Beban Tugas Guru 27

2.2.2 Kepimpinan Guru 29

2.2.3 Evolusi Kepimpinan Guru 31

2.2.4 Kepimpinan Guru di Malaysia 33

2.2.5 Definisi Kepimpinan Guru 36

2.2.6 Model-model Kepimpinan Guru 39

2.2.7 Pemilihan Model Kepimpinan Guru Dalam Kajian 52

2.2.8 Batasan Kepimpinan Guru 53

2.2.9 Halangan Hubungan 53

2.2.10 Peranan Pemimpin Guru 55

2.2.11 Tahap Kepimpinan Guru 58

2.3 Kajian Lepas

2.3.1 Beban Tugas Guru 59

2.3.2 Kepimpinan Guru 70

2.4 Rumusan 75

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan 76

3.2 Reka Bentuk Kajian 78

3.3 Populasi dan Sampel 79

3.4 Instrumen Kajian 80

3.4.1 Bahagian A Demografi Responden 82

3.4.2 Bahagian B Soal Selidik Beban Tugas Guru 82

3.4.3 Bahagian C Soal Selidik Kepimpinan Guru 83

3.5 Kajian Rintis 83

3.6 Kesahan Instrumen 84

3.6.1 Kesahan Muka 85

3.6.2 Ujian Kebolehpercayaan 85

3.6.3 Ujian Normaliti 87

3.7 Prosedur Pengumpulan Data 88

3.8 Analisis Data 89

3.9 Rumusan 92

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan 93

4.2 Analisis Bilangan Soal Selidik 94

4.3 Analisis Profil Responden 94

4.3.1 Analisis Taburan Responden Mengikut Jantina 95

4.3.2 Analisis Taburan Responden Mengikut Umur 96

4.3.3 Analisis Taburan Responden Mengikut Taraf Perkahwinan 96

4.3.4 Analisis Responden Mengikut Keturunan 97

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.5 Analisis Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar Sebagai Guru 98

4.3.6 Analisis Taburan Responden Mengikut Gred Jawatan 99

4.3.7 Analisis Taburan Responden Mengikut Jawatan Pentadbiran 100

4.4 Tahap Beban Tugas Akademik Guru 101

4.4.1 Analisis Tahap Beban Tugas Guru Dari Aspek Tugas akademik 101

4.4.2 Analisis Tahap Beban Tugas Guru Dari Aspek Tugas Bukan Akademik 105

4.5 Tahap Kepimpinan Guru 111

4.5.1 Analisis Tahap Kepimpinan Guru di Sekolah Rendah Daerah Perak Tengah 112

4.6 Analisis ANOVA dan Pengujian Hipotesis Kajian 130

4.7 Keputusan ANOVA Bagi Beban Tugas Mengikut Pengalaman 130

4.8 Analisis Korelasi dan Pengujian Hipotesis Kajian 135

4.9 Rumusan 137

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan 138

5.2 Rumusan Kajian 139

5.2.1 Tahap Beban Tugas Guru 140

5.2.2 Tahap Kepimpinan Guru 141

5.2.3 Perbezaan Antara Beban Tugas Guru Mengikut Pengalaman Kerja Guru 143

5.2.4 Hubungan Beban Tugas Guru dengan Kepimpinan Guru 143

5.3 Perbincangan dapatan kajian 145

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 Implikasi kajian 152

5.4.1 Implikasi kajian terhadap Guru-guru 153

5.4.2 Implikasi kajian terhadap Pihak Pentadbir Sekolah 154

5.4.3 Implikasi kajian terhadap Pihak Jabatan Pendidikan dan Kementerian Pendidikan 155

5.5 Cadangan Kajian Masa Depan 156

5.6 Kesimpulan dan Penutup 158

RUJUKAN 160

LAMPIRAN

A Kesahan Muka

B Borang soal Selidik

C Saiz dan Jadual Penentuan Sampel Krejcie Morgan

D Surat Kebenaran EPRD

E Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Perak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Sumber Soal selidik Kajian	81
3.2	Skala Likert Lima Mata Bagi Instrumen Bahagaian B	82
3.3	Skala Likert Lima Mata Bagi Instrumen Bahagaian C	83
3.4	Jadual Kebolehpercayaan Alat Ukur Kajian	86
3.5	Ujian Normaliti	87
3.6	Kaedah Penganalisisan Data	90
3.7	Interpretasi Skor Min Bagi Data 5 Skala Beban Tugas guru	90
3.8	Interpretasi Skor Min Bagi Data 5 Skala Kepimpinan Guru	91
3.9	Penentuan Korelasi Berdasarkan Pekali Korelasi (r)	91
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	95
4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	96
4.3	Taburan Responden Mengikut Taraf Perkahwinan	97
4.4	Taburan Responden Mengikut Keturunan	97
4.5	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar Sebagai Guru	98
4.6	Taburan Responden Mengikut Gred Jawatan	99
4.7	Taburan Responden Mengikut Gred Jawatan Pentadbiran	100

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.8	Taburan Pendapat Responden Bagi Penyataan Tugas Akademik	102
4.9	Taburan Pendapat Responden Bagi Aspek Tugas Bukan Akademik	106
4.10	Keputusan Analisis Skor Min Tahap Beban Tugas Guru	111
4.11	Tahap Kecenderungan Skor Min Bagi Data 5 Skala	112
4.12	Taburan Pendapat Responden Bagi Aspek Tumpuan Pembangunan	113
4.13	Taburan Pendapat Responden Bagi Aspek Pengiktirafan	115
4.14	Taburan Pendapat Responden Bagi Aspek Autonomi	117
4.15	Taburan Pendapat Responden Bagi Aspek Hubungan Kerjasama	119
4.16	Taburan Pendapat Responden Bagi Aspek Penyertaan.	122
4.17	Taburan Pendapat Responden Bagi Aspek Komunikasi Terbuka	124
4.18	Taburan Pendapat Responden Bagi Aspek Persekitaran Yang Positif.	127
4.19	Keputusan Analisis Skor Min Tahap Kepimpinan Guru	129
4.20	Ujian ANOVA Beban Tugas Guru Berdasarkan Pengalaman Respondan	131
4.21	Test of Homogeneity of Variances	132
4.22	Keputusan *Turkey Multiple Comparisons* bagi Pengalaman	132
4.23	Rumusan Hipotesis Kajian	134
4.24	Analisis Korelasi Antara Beban Tugas Dengan Tahap Kepimpinan	136
4.25	Penentuan Korelasi Berdasarkan Pekali Korelasi (r)	136

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Pemboleh Ubah Bebas dan Pemboleh Ubah Bersandar	14

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

LINUS	Literasi dan Numerasi
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
KPP	Komuniti Pembelajaran Profesional
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
TLEC	*Teacher Leadership Exploratory Consortium*
IPG	Institusi Pendidikan Guru
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
PPB	Pembangunan Profesionalisme Berterusan
LDT	*Leadership Development For Teachers Model*
TLSA	*Teacher Leadership Self Assessment*
TLSS	*Teacher Leadership School Survey*
TLMS	*Teacher Leader Model Standards*
ILO	Pertubuhan Buruh Antarabangsa
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
IEL	*Institute for Educational Leadership*
ANOVA	*Analysis of variance*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Beban tugas guru menjadi isu hangat yang diperkatakan dalam dunia pendidikan. Antara isu utamanya adalah beban tugas pentadbiran serta perkeranian yang mengganggu serta memberi tekanan terhadap tugas hakiki guru iaitu mendidik dan mengajar. Isu ini telah mendapat perhatian semua pihak terutamanya warga pendidikan termasuk mantan Menteri Pendidikan, sehinggakan dalam ucapan pertama YB Dr Maszlee Malik semasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

beliau dilantik menjadi Menteri Pendidikan yang baharu pun beliau menyentuh akan memberi tumpuan terhadap isu beban tugas guru. Beliau juga telah mengumumkan semasa majlis amanat menteri pendidikan pada 14 Januari 2019. Lima inisiatif Kementerian Pendidikan telah diwujudkan bagi meringankan bebanan tugas guru dalam negara. Lima inisiatif tersebut adalah pengurusan data dan *system online,* memudahkan pengurusan fail dan dokumentasi, pihak sekolah merangka sendiri pelaksanaan Literasi dan Numerasi (LINUS) yang bersesuaian dengan keperluan murid susulan pemansuhan Peperiksaan Tahap Satu, penyeragaman borang dan proses pemantauan serta penyelarasan penubuhan jawatankuasa di peringkat sekolah bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang tidak berkaitan dengan tugas mendidik dimansuhkan (Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Kesemua inisiatif yang menjadi tumpuan utama Kementerian Pendidikan pada tahun 2019 tersebut merupakan perancangan jangka pendek di bawah bahagian proses pengajaran. Sememangnya tugas guru meliputi pelbagai aspek yang sangat luas. Oleh itu, dengan adanya inisiatif baharu ini sedikit sebanyak diharapkan dapat meringankan tugas-tugas guru di sekolah kerana pendidikan bukan sekadar memindahkan ilmu pengetahuan dari pendidik kepada anak didik sahaja, malah gurulah yang diamanahkan untuk mendidik murid supaya menjadi insan yang berjaya.

Selain daripada memenuhi peranan di atas yang melibatkan bidang kurikulum dan kokurikulum, guru juga terpaksa melakukan kerja-kerja sosial seperti tugas tugas berhubung dengan masyarakat dan sekolah (Muhammad Shukri Salleh, 1998). Guru bukan sahaja diperlukan untuk tugas hakiki iaitu mengajar malah para guru turut dibebani

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan tugas lain seperti menguruskan bilik darjah, aktiviti kokurikulum, hal-hal berkaitan murid, pentadbiran dan perkeranian serta tugas-tugas tambahan lain yang perlu dibuat mengikut keperluan semasa seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin (Utusan, 31 Mac 2010). Kerja-kerja perkeranian yang terpaksa dijalankan ini menambahkan lagi beban tugas guru di sekolah. Beban tugas di luar bidang pengajaran yang terpaksa dilakukan dengan banyak akan menjejaskan tugas utama para guru iaitu mengajar.

Selain itu, kepimpinan guru juga menjadi perhatian sejak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Kepimpinan di sekolah telah diperluas kepada guru-guru terutamanya mereka yang memegang jawatan kepimpinan di sekolah. Usaha penambahbaikan sekolah bergantung bukan sahaja kepada keupayaan kepimpinan pengajaran dalam kalangan pengetua, tetapi juga melibatkan kepimpinan pengajaran guru sekolah, (Norashikin Abu Bakar, Ramli Basri, dan Nurnazahiah Abas, 2013). Penstrukturan dan pembentukan program mampu membina kepimpinan guru dan memberi kesan kepada pengajaran dan pemudah cara di dalam bilik darjah serta penglibatan murid. Kepentingan kepimpinan guru ini turut disokong oleh kajian daripada Nor Asma Sheirnawani, Mohd Asri, Rohaila, dan Hamidah (2015) yang bertajuk "Kesahan Model Amalan Kepimpinan Guru". Secara ringkasnya, kepimpinan guru merupakan elemen yang amat penting dan harus diaplikasikan serta dipraktikkan dalam kalangan guru di sekolah. Guru juga mampu membuat berkolaboratif dalam menyelesaikan permasalahan sekolah (Ainol Ismail, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aspek kepimpinan guru adalah antara elemen yang dapat membantu pelaksanaan perubahan secara berkesan di sekolah. Pelaksanaan perubahan dalam pendidikan mempengaruhi situasi kerja seperti motivasi, semangat, beban tugas, dan kepuasan bekerja (Raja Maria Diana Raja Ali, 2011). Oleh itu, aspek kepimpinan guru perlu seimbang dengan beban tugas. Dengan ini, guru akan dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan lebih baik. Sistem pendidikan pada hari ini menuntut guru-guru bekerja kuat untuk memastikan kejayaannya. Guru bukan sekadar mengajar semata-mata tetapi mendidik pelajar. Tugas seorang pendidik pula ialah sebagai pengajar yang menyampaikan ilmu pengetahuan, membentuk sikap dan akhlak pelajar serta memperkembangkan potensi mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping peranan utama ini, guru juga mempunyai peranan lain seperti sebagai perancang, pemudah cara, pembimbing, pentadbir, pembimbing, pengelola dan penilai (Muhammad Shukri Salleh, 1998). Setiap satu daripadanya mengarah kepada peningkatan keberkesanan proses pengajaran dan pemudah cara. Oleh itu, beban tugas guru ini perlu dikaji dengan lebih baik bagi mendapatkan maklumat sebenar kerana bebanan tugas yang tidak tertanggung oleh para guru boleh melemahkan semangat para guru dan seterusnya akan memberi kesan kepada kepimpinan guru-guru di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Latar Belakang Kajian

Isu serta cabaran terhadap profesion perguruan sentiasa berubah mengikut peredaran masa. Peranan guru sebagai sumber ilmu pengetahuan yang utama kepada pelajar telah bertukar kepada guru sebagai pemudah cara dalam proses pengajaran dan pembelajaran, agen perubahan dan sumber pemberi maklumat kepada pelajar (Muhammad Shukri Salleh, 1998). Prestasi murid yang lemah selalu dikaitkan dengan kelemahan kompetensi ataupun kecekapan pengajaran seseorang guru. Ini tidak dapat dinafikan kerana seseorang guru yang tidak cekap dalam pengajaran sudah tentu tidak mampu menyampaikan pengajaran dan pembelajaran yang bermutu kepada pelajar mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian Mohd Yusri dan Aziz (2014) telah menyatakan bahawa guru yang hilang keyakinan atau efikasi akan menyebabkan kompetensi pengajaran menjadi lemah. Justeru. ini menyebabkan gejala tekanan dan burnout di kalangan guru dan menjejaskan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Beban tugas guru yang amat berat merupakan salah satu penyebab kepada masalah tekanan tersebut.

Selain itu menurut Noor Hassim, Zaharah Zainuddin dan Mohd Rizal (2010) faktor lain yang turut menjadi satu bebanan kepada tugas guru adalah pengagihan tugas yang tidak seimbang dalam kalangan guru-guru, sikap pentadbir yang pilih kasih dan tidak adil terhadap guru-guru tertentu, tugas-tugas sampingan yang diberikan secara mendadak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada para guru serta tugas sampingan yang dibebankan di bahu guru-guru oleh pihak atasan dan pentadbir.

Aziah Ismail. Loh, dan Abdul Ghani Kanesan (2015) menyatakan bahawa efikasi kendiri guru dikaitkan dengan peningkatan kualiti sesebuah sekolah melalui usaha Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP). KPP telah dilaksanakan di sekolah untuk mewujudkan dan mengekalkan kualiti guru di sesebuah sekolah. Selain itu, Nolan (2009) menjelaskan bahawa pelaksanaan KPP di sekolah dapat mengurangkan pengasingan guru, meningkatkan komitmen guru serta dapat meningkatkan strategi pengajaran dan pembelajaran guru. Namun. guru-guru masih kurang mengamalkan budaya perkongsian sesama guru lain dari segi bahan pengajaran dan pengalaman kerana mereka cenderung untuk bekerja bersendirian.

Menurut Aziah et al., (2015), ketiadaan perbincangan tentang kemahiran mengajar, bertindak bersendirian dan kekurangan perkongsian ilmu, akan menghalang peningkatan kemahiran pengajarannya dan sekali gus menjejaskan keberhasilan murid. Menurut Jackson, Burns, Bassett, dan Roberts (2010), kepimpinan guru ialah proses serta aktiviti yang dilakukan oleh guru bertujuan untuk mempengaruhi inidividu lain termasuklah diri sendiri, rakan guru, guru besar dan ahli lain dalam komuniti sekolah untuk memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran bagi tujuan utama untuk meningkatkan pembelajaran dan prestasi murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Pernyataan Masalah

Pembangunan yang pesat dalam negara dengan pelbagai perubahan yang berlaku dalam masyarakat menuju ke arah abad ke-21 tidak akan meringankan beban tugas guru di semua peringkat baik di peringkat prasekolah mahupun di peringkat institusi pengajian tinggi. Semakin banyak kesatuan guru dan guru-guru yang menyuarakan isu mengenai bebanan dan cabaran guru masa kini.

Isu beban tugas guru ini selalu terbit di dada-dada akhbar. Antaranya adalah Beban Kerja Guru Kini Terlalu Berat – Utusan Malaysia 23 Januari 2008, Seksa Jadi Cikgu – Berita Harian 1 April 2010, Tokoh Syor Empat Langkah Kurang Beban Tugas Guru – Berita Harian 24 Mei 2010, Tubuh Jawatankuasa Khas Kaji Beban Tugas Guru – Utusan Malaysia 1 April 2010, Guru Tidak Perlu Kerja 9 Jam – Utusan Malaysia 21 November 2011, Jawatankuasa Kerja Tangani Isu Beban Guru Sedang Laksana 28 Perakuan- Muhyiddin – Utusan Malaysia 16 Mei 2012, 14 Isu Beban Guru Ditangani – Utusan Malaysia 17 Mei 2012. Mereka berpendapat bahawa isu bebanan tugas guru merujuk kepada isu berkaitan kerja pentadbiran dan perkeranian yang dilihat memberi tekanan kepada guru-guru. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil usaha untuk mengatasi masalah ini dengan menubuhkan jawatankuasa khas bagi menangani isu beban guru pada tahun 2012. Tugas seorang guru dapat dilihat sebagai tugas yang semakin hari menjadi semakin mencabar (Suryandari, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Negara melihat bidang pendidikan ini sebagai satu bidang serta agenda terpenting negara yang sentiasa mendapat perhatian utama dan peruntukan besar setiap tahun. Kajian lepas telah membuktikan bahawa beban tugas guru ini merupakan satu isu yang perlu diberikan perhatian daripada pelbagai pihak. Tugas guru bukan hanya mengajar di dalam kelas bahkan guru juga dibebani dengan tugas bukan akademik di sekolah masing-masing. Abdul Malik (2000), menyatakan bahawa bebanan tugas yang berat, tidak menyempurnakan tugas, dimarahi oleh majikan akan menyebabkan seseorang guru itu menjadi terbeban dengan tugasnya. Ini akan menyebabkan seseorang guru itu kurang bersemangat serta kepimpinannya dalam menjalankan tugas mungkin akan terjejas.

Mantan Menteri Pendidikan telah mengumumkan pada 14 Januari 2019, lima inisiatif jangka pendek bagi mengurangkan beban guru. Namun isu ini masih menjadi isu hangat dan sering diperkatakan sehingga kini. Adakah inisiatif itu benar-benar telah meringankan beban guru atau pun sebaliknya? Bebanan tugas yang terpaksa dipikul oleh para guru ini akan menyebabkan guru-guru mengalami ketegangan iaitu antara punca yang kerap berlakunya stres dalam kalangan guru ialah beban tugas bukan tugas mengajar. Ketegangan dan stres yang tinggi dalam kalangan guru boleh menyebabkan rasa kecewa, agresif, bimbang dan mengurangkan prestasi kerja.

Hong dan Aziah Ismail (2015) menjelaskan beban kerja merupakan salah satu faktor utama yang menyebabkan timbulnya perasaan tidak puas hati, kecewa dan marah dalam kalangan guru sehingga menurunkan tahap kepimpinan seorang guru. Terdapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rungutan daripada pihak guru yang berasa terbeban dengan tugas- tugas yang tidak sepatutnya diberikan kepada guru. Kerja-kerja perkeranian terpaksa dilakukan oleh guru selain daripada menyediakan bahan pengajaran dan mengajar di dalam kelas (Tugimin, 2009).

Dapatan Suryandari (2016) menunjukkan bahawa hubungan yang kurang baik antara pekerja, beban kerja yang berlebihan, ketidakpekaan pihak atasan dan beberapa faktor lingkungan sosial yang lain merupakan antara punca terhadap penurunan tahap kepimpinan tugas guru. Pengkaji menjelaskan beban kerja yang berlebihan menyebabkan prestasi guru menurun. Ibrahim (2003) menyatakan ada pandangan masyarakat yang menganggap guru tidak sebenarnya berhadapan dengan beban yang banyak berbanding kerjaya lain. Antara yang dilihat adalah waktu bekerja rasmi yang singkat dan jumlah cuti yang banyak amat menyenangkan guru. Justeru, isu beban tugas guru ini sebenanrnya telah menjadi polemik antara masyarakat dan kaum guru. Oleh itu, dalam kajian ini akan dapat melihat sejauh mana tahap beban tugas memberi kesan terhadap kepimpinan guru itu sendiri.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap beban tugas guru dan tahap kepimpinan guru di sekolah rendah dan hubungan antara keduanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan mengkaji beban tugas guru dan hubungannya dengan kepimpinan guru di sekolah rendah dalam daerah Perak Tengah.

Secara khususnya, objektif kajian adalah untuk:

i. Mengenal pasti tahap beban tugas guru di sekolah rendah daerah Perak Tengah.

ii. Mengenal pasti tahap kepimpinan guru di sekolah rendah daerah Perak Tengah.

iii. Mengenal pasti perbezaan antara beban tugas guru mengikut pengalaman kerja guru di sekolah rendah daerah Perak Tengah.

iv. Mengenal pasti hubungan di antara beban tugas guru dengan kepimpinan guru di sekolah rendah daerah Perak Tengah.

1.6 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan, soalan-soalan kajian adalah seperti yang berikut:

i. Apakah tahap beban tugas guru di sekolah rendah dalam daerah Perak Tengah?

ii. Apakah tahap kepimpinan guru di sekolah rendah dalam daerah Perak Tengah?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Adakah terdapat perbezaan beban tugas guru mengikut pengalaman kerja guru di sekolah rendah dalam daerah Perak Tengah?

iv. Adakah wujud hubungan antara beban tugas guru dengan kepimpinan guru di sekolah rendah dalam daerah Perak Tengah?

1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis nul bagi kajian yang dijalankan adalah seperti berikut:

Ho 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara beban tugas guru mengikut pengalaman kerja guru di sekolah rendah daerah Perak Tengah.

Ho 2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara beban tugas guru dengan kepimpinan guru di sekolah rendah daerah Perak Tengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Kerangka Teori Kajian/ Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka teorikal kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan teori yang dikemukakan oleh Nelms (1993), Teori Motivasi Manusia oleh Frederick Herzberg pada tahun 1966 serta Model Pembangunan Kepimpinan Guru Katzemeyer dan Moller.

Teori Nelms (1993) menyatakan bahawa para guru seharusnya menetapkan masa bekerja mereka di sekolah selama 50 jam sahaja dalam seminggu. Walaupun masa yang ditetapkan itu tidak cukup bagi guru untuk menyelesaikan semua tugasan mereka di sekolah namun adalah penting bagi guru untuk tidak dibebani dengan tugasan kerja yang berlebihan. Guru sepatutnya tidak terbeban dengan tugasan berkaitan sekolah pada waktu petang dan juga pada hujung minggu kerana merekea juga memerlukan masa untuk memenuhi keperluan keluarga serta keperluan peribadi. Satu kajian yang dilakukan oleh Gunter, Rayness, Thomas, Fielding, Butt dan Lance (2005) mendapati 95% guru bekerja pada waktu petang selepas waktu persekolahan dan hujung minggu.

Teori motivasi manusia yang diasaskan Frederick Herzberg pada tahun 1966, berfungsi sebagai teori utama yang menerangkan hubungan antara beban guru dan tahap kepimpinan mereka. Ini kerana terdapat beberapa faktor dan motivasi yang bertanggungjawab untuk mengubah tahap kepimpinan guru. Mengikut Teori Motivasi Manusia pengkaji menjelaskan perkara berkaitan motivasi manusia dalam dunia kerja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Herzberg telah membangunkan teori motivasi dwifaktor. Kajian ini dilakukan pada motivasi seseorang berkaitan masa dan situasi yang menggalakkan mereka untuk bekerja lebih keras dan masa dan situasi yang menyebabkan kurangnya motivasi untuk bekerja.


Katzenmeyer dan Moller melalui penyelidikan mereka yang meliputi lebih daripada 5.000 orang guru telah berjaya memperoleh tujuh dimensi dalam budaya sekolah yang menyokong kepada perkembangan kepimpinan guru yang berjaya. Dimensi tersebut merangkumi Tumpuan Pembangunan. Pengiktirafan. Autonomi. Hubungan Kerjasama. Penyertaan. Komunikasi Terbuka, dan Persekitaran Kerja yang Positif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kerangka konseptual kajian ini dibina berdasarkan kepada objektif dan persoalan kajian yang diketengahkan dalam kajian ini. Menurut rajah 1.1 Beban Tugas Guru dikelaskan sebagai pemboleh ubah bebas dan kepimpinan guru di sekolah rendah merupakan pemboleh ubah bersandar bagi kajian ini. Hubungan Pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar akan dikaji melalui kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.1 Pemboleh Ubah Bebas dan Pemboleh Ubah Bersandar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini membawa kepentingan bagi menambah pengetahuan serta memberi gambaran berkaitan fenomena profesion perguruan. Kajian ini dilakukan sebagai usaha untuk menambah serta mengembangkan lagi pengetahuan mengenai masalah ketegangan, tekanan atau stres yang dialami oleh guru terutamanya di sekolah rendah yang dikatakan mengalami beban kerja yang banyak. Kajian ini juga berkepentingan sebagai panduan penyeliaan dan penilaian serta mencari beberapa alternatif penyelesaian masalah tekanan kerja guru yang berkaitan dengan tahap kepemimpinan mereka di sekolah. Selain itu, kajian ini menyumbang kepada perkembangan teori yang dikemukakan serta dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menambahkan literatur kajian yang lebih mendalam dalam bidang akademik mengenai beban tugas guru serta kepimpinan guru di Malaysia.

Hasil daripada kajian ini, penyelidik juga berharap dapat membantu pihak-pihak yang berkepentingan misalnya melalui kajian yang dijalankan ini guru-guru dapat meluahkan rasa serta memberikan maklumat berkaitan dengan tugasan yang dihadapi sebagai seorang guru. Selain itu, kajian ini juga membantu guru guru untuk mengenal pasti tahap kepimpinan diri masing-masing melalui penjelasan berkaitan Model Pembangunan Kepimpinan Guru yang dibina oleh Katzenmeyer dan Moller (2009). Di samping itu, dengan hasil dapatan diharapkan dapat membantu guru besar di seluruh daerah Perak Tengah dalam membentuk kepimpinan guru di sekolah rendah yang menyokong kepada pembentukan kepimpinan guru di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat digunakan secara meluas bagi membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia serta badan-badan yang berkaitan untuk mewujudkan inisiatif dalam usaha menyelesaikan perkara berkaitan isu guru dalam negara. Melalui kajian ini juga maklumat berkaitan perkembangan profesion pendidikan boleh digunakan oleh pihak Jabatan Pendidikan bagi merancang dan menganjurkan kursus yang lebih berkesan untuk mempertingkatkan tahap kepimpinan guru di sekolah. Apabila pelbagai inisiatif dan aktiviti bagi meningkatkan kepimpinan guru dijalankan serta isu berkaitan bebanan tugas berjaya diatasi oleh pihak Jabatan Pendidikan, impak positif daripada usaha ini pasti akan muncul sekaligus dapat memperkasakan profesion perguruan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik membatas kajian kepada perkara-perkara tertentu sahaja supaya skop kajian tidak terlalu luas. Batasan-batasan kajian meliputi tempat kajian. sampel kajian dan aspek kajian yang dipilih. Tempat kajian yang dilakukan adalah di sekolah rendah dalam daerah Perak Tengah. Kajian ini hanya terbatas kepada guru-guru yang mengajar di sekolah rendah kebangsaan dalam daerah Perak Tengah. Pengkaji akan memilih 291 orang guru daripada 1169 orang populasi sebenar secara rawak mudah untuk dijadikan sampel kajian. Aspek kajian bertumpu pada tahap beban tugas guru serta kepimpinan guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11 Definisi Operasi

1.11.1 Beban Tugas

Beban tugas merujuk kepada tanggungjawab yang harus dipikul dan dilakukan oleh para guru. Tanggungjawab ini merangkumi tanggungjawab di dalam bilik darjah mahu pun di luar bilik darjah bagi menyelesaikan kerja-kerja sekolah. Beban tugas seseorang itu boleh diukur dan dinilai dengan melihat. Misalnya, jumlah masa yang diperuntukkan untuk menyelesaikan sesuatu tugas boleh dijadikan sebagai ukuran tahap beban tugas itu. Selain itu, beban tugas juga membawa bermaksud jumlah penggunaan masa oleh seseorang guru itu bagi menjalankan tanggungjawab serta tugas-tugas yang berbentuk akademik dan bukan akademik sama ada di dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah. Tugas-tugas rasmi yang telah diberikan oleh pihak sekolah yang mesti dilaksanakan oleh seseorang guru sepanjang masa juga merupakan beban tugas. Dalam kajian ini beban tugas guru merujuk kepada tahap beban tugas yang ditanggung oleh guru-guru dalam tugas akademik dan tugas bukan akademik. Tahap itu pula dinilai oleh guru-guru itu sendiri berdasarkan apa yang ditanggung oleh guru-guru tersebut dengan meletakkan tahap amat tidak berat, tidak berat, kurang berat, berat dan amat berat terhadap item-tem yang disenaraikan melalui soal-selidik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.2 Guru

Guru membawa erti seseorang yang telah disahkan jawatannya serta telah dilantik oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Guru juga merupakan seseorang membawa tugas untuk mengajar dan membimbing pelajar-pelajar sekolah berdasarkan tugas-tugas serta tanggungjawab yang telah ditentukan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain itu, guru merupakan seseorang yang bertugas mengajar, mendidik dan membimbing pelajar-pelajar di institusi pendidikan formal seperti sekolah berdasarkan peruntukan waktu dan tugas-tugas yang diberikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.3 Tugas Akademik

Tugas akademik membawa maksud tugas-tugas yang perlu dilakukan oleh seorang guru berkaitan dengan proses pembelajaran dan pengajaran yang formal. Tugas ini bukan sahaja merangkumi aktiviti di dalam bilik darjah, malah ianya merangkumi tugasan di luar bilik darjah. Hanya guru-guru yang mempunyai kelayakan dalam bidang tertentu sahaja akan menjalankan tugas akademik. Beban tugas akademik ini dapat dibahagikan kepada dua tugas yang berbza iaitu tugas akademik rutin harian serta tugas akademik bermusim (Abdull Sukor Shaari, Abd Rahim Romlee dan Mohamad Yazi Kerya, 2006).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi beban tugas akademik yang dinyatakan dalam kajian ini adalah merujuk kepada tugas utama seorang guru misalnya mengajar mata pelajaran opsyen, mengajar mata pelajaran bukan opsyen serta tugas-tugas lain seperti menyediakan Alat Bahan Bantu Mengajar (ABBM), membuat penyediaan untuk Buku Rekod Mengajar, memeriksa serta menyemak buku pelajar, membuat persediaan bagi aktiviti pembelajaran dan pengajaran, serta menjalankan tugas guru-guru yang tidak hadir ke sekolah (berkursus, cuti sakit dan sebagainya).

Beban tugas akademik bermusim pula merupakan tugasan guru yang harus dilakukan secara bermusim misalnya secara bulanan mahu pun tahunan. Tugas ini meliputi tugas-tugas guru seperti penyediaan kertas soalan sebagai contoh, penyediaan soalan peperiksaan bulanan serta tahunan, soalan peperiksaan percubaan dan soalan latih tubi. Tugas-tugas seperti memeriksa kertas soalan, memeriksa kertas jawapan latih tubi, mengajar kelas tambahan serta menghadiri mesyuarat merupakan contoh lain bagi tugas akademik bermusim.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.4 Tugas Bukan Akademik

Tugas bukan akademik dalam kajian ini merupakan tugas-tugas bukan akademik yang dijalankan di dalam sesebuah sekolah. Tugas bukan akademik merupakan tugas yang tidak melibatkan serta tidak berkait dengan proses pengajaran dan pembelajaran secara formal. Tugas bukan akademik ini bukan sahaja dilakukan oleh guru-guru di xekolah malah boleh juga dilakukan oleh mereka yang bukan bekerja sebagai seorang guru. Tugas-tugas khas seperti perkeranian, tugas-tugas khas serta tugas kokurikulum merupakan salah satu contoh bagi tugas bukan akademik. Menurut Abdull Shukor et al., (2006) tugas bukan akademik terbahagi kepada dua tugasan iaitu tugas bukan akademik rutin yang dilakukan secara harian serta tugas bukan akademik bermusim yang dijalankan oleh guru mengikut musim.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat pelbagai contoh tugas bukan akademik rutin yang digalas oleh guru-guru disekolah misalnya merekod semua butiran peribadi dan prestasi pelajar pada rekod pelajar, mengambil kehadiran pelajar harian, menyediakan dan mengisi borang kelulusan pelajar yang digunakan untuk tujuan mengeluarkan Sijil Berhenti Sekolah, memberi nasihat, membimbing dan memotivasi para pelajar, memastikan kelas sentiasa berada di tempat yang bersih, menjaga bilik darjah ceria, bekerja sebagai Guru / Guru Penasihat Persatuan, menjalankan tugas sebagai Guru Penasihat Rumah Sukan, menghadiri mesyuarat sekolah, melaksanakan tugas perkeranian, dan melaksanakan tanggungjawab khusus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Beban tugas bukan akademik bermusim termasuk tugas-tugas seperti menyediakan dan mengeluarkan dokumen untuk soalan ujian bulanan (menaip, mencetak, organisasi, pengedaran, dan sebagainya), penyediaan kertas peperiksaan semester (menaip, mencetak,, penyediaan), pengeluaran soalan yang berkaitan dengan latihan (menaip, mencetak, menyusun, mengedarkan, dan sebagainya), mengisi markah secara atas talian, merekod markah peperiksaan penggal atau semester ke dalam Buku Rekod Guru dan merekod markah peperiksaan percubaan UPSR ke dalam Buku Rekod Guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.5 Kepimpinan guru

Katzenmeyer dan Moller (2009), mendefinisikan kepimpinan guru sebagai kemahiran guru untuk memimpin serta menjalankan tanggungjawabnya di dalam dan luar kelas. Para guru ini akan mengenal pasti masalah serta menyumbang kepada komuniti guru dan para pemimpin. Di samping itu, guru yang mengamalkan kepimpinan guru ini juga akan berusaha untuk mempengaruhi guru lain ke arah amalan pendidikan yang lebih baik dan lebih berkesan. Mereka bersedia menjalankan tugas dan tanggungjawab tanpa menunggu arahan dari guru besar. Sebaliknya, mereka tahu apa yang harus dilakukan berdasarkan matlamat yang hendak dicapai. Menurut Danielson kepimpinan guru adalah proses di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mana guru bekerjasama dengan fakulti, kakitangan, ahli komuniti lain serta persekitaran mereka untuk memperbaiki amalan pengajaran yang memperkayakan persekitaran pembelajaran dan membawa kepada pencapaian kelas yang lebih tinggi.

Bagi tujuan kajian ini, kepimpinan guru dapat dilihat dan diukur melalui tujuh dimensi kepimpinan guru yang dicadangkan oleh Katzenmeyer dan Moller iaitu Tumpuan Pembangunan, Pengiktirafan, Autonomi. Hubungan Kerjasama, Penyertaan, Komunikasi Terbuka, dan Persekitaran Kerja Yang Positif. Menurut Katzenmeyer dan Moller (2009), domain Tumpuan Pembangunan diuji untuk menguji budaya sekolah yang membantu guru dalam memperoleh kemahiran dan pengetahuan baharu serta menggalakkan untuk membantu guru lain belajar. Guru-guru diberi bantuan dari segi bimbingan dan panduan dalam kerjaya dan keperluan mereka. Domain Pengiktirafan dapat menguji budaya sekolah yang memberi pengiktirafan kepada guru dari segi peranan dan sumbangan yang telah di buat. Semangat saling menghormati dan prihatin wujud dalam kalangan guru. Domain Autonomi digunakan untuk menguji budaya sekolah dalam pemberian autonomi. Guru digalakkan untuk menjadi proaktif dalam membuat inovasi dan penambahbaikan. Selain itu, halangan diatasi dan sumber-sumber yang menyokong usaha-usaha guru turut dikenal pasti.

Katzenmeyer dan Moller (2009) menjelaskan domain Hubungan Kerjasama digunakan untuk menguji kerjasama dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pengajaran dan pelajar. Contoh, guru membincangkan strategi berkongsi bahan-bahan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atau hasil pemerhatian dalam satu bilik darjah antara satu sama lain. Domain Penyertaan pula digunakan untuk menguji budaya sekolah yang melibatkan guru secara aktif dalam membuat keputusan dan mempunyai input mengenai perkara- perkara penting seperti pemilihan ketua panitia ataupun ketua pasukan. Muijs dan Harris (2007), membuktikan bahawa penyertaan aktif dalam proses membuat sesuatu keputusan mempunyai kesan positif terhadap pelaksanaan kepimpinan guru.

Menurut Katzenmeyer dan Moller (2009), domain Komunikasi Terbuka menguji kesediaan sekolah dalam menerima dan menghantar maklumat yang berkaitan dengan keberkesanan fungsi sekolah secara jujur dan terbuka. Muljs dan Harris (2007), membuktikan bahawa komunikasi yang berkesan dalam kalangan ahli masyarakat sekolah mempunyai kesan positif terhadap pelaksanaan kepimpinan guru-guru yang terlibat. Guru-guru dimaklumkan mengenai apa yang berlaku di sekolah. Oleh itu, guru-guru mudah berkongsi pendapat dan perasaan dan tidak dipersalahkan apabila berlaku kesilapan. Domain Persekitaran yang Positif menguji tahap kepuasan umum terhadap persekitaran kerja. Guru-guru berasa dihormati antara satu sama lain, sama ada daripada ibu bapa, pelajar mahupun pentadbir. Guru melihat sekolah mempunyai kepimpinan pentadbiran yang berkesan. Pasukan yang dilantik secara rasmi ataupun tidak rasmi dapat bekerjasama secara berkesan demi keperluan dan kepentingan pelajar.

Melalui tujuh dimensi ini kepimpinan guru dapat dilihat secara menyeluruh kerana dimensi ini menerangkan maksud dan definisi kepimpinan guru melalui tugas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akademik juga bukan akademik (Katzenmeyer dan Moller, 2009). Ringkasnya, kepimpinan guru boleh ditakrifkan sebagai satu proses yang mempengaruhi kelakuan orang lain untuk mendorong mereka untuk bekerja ke arah matlamat yang mantap. Kepimpinan guru juga turut merujuk kepada kemampuan guru itu untuk mempengaruhi ahli- ahli kumpulan yang lain dengan tujuan mencapai sesuatu matlamat (Robbins, 2003).

1.11.6 Sekolah Rendah

Pendidikan di sekolah rendah mengambil masa enam tahun. Oleh itu, kanak-kanak sering memulakan pendidikan mereka di sekolah rendah pada usia tujuh tahun. Pendidikan sekolah rendah adalah kesinambungan pendidikan prasekolah. Di samping membaca dan mengira, pelajar akan turut didedahkan kepada subjek lain seperti Sains, Pendidikan Jasmani, Pendidikan Islam, Pendidikan Kesihatan dan Pendidikan Moral. Pada penghujung pengajian murid sekolah rendah ini, mereka akan mengambil Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Ujian peperiksaan ini akan menguji kemahiran murid dalam kefahaman, lisan serta penulisan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, penguasaan kemahiran Matematik serta memahami pelbagai konsep bagi mata pelajaran Sains.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.12 Rumusan

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji dengan lebih teliti tentang hubungan beban tugas guru dengan kepimpinan guru di sekolah rendah dalam daerah Perak Tengah. Selain itu. tahap beban tugas guru-guru mengikut pengalaman kerja guru akan turut dikaji. Domain-domain kepimpinan guru iaitu Tumpuan Pembangunan, Pengiktirafan, Autonomi, Hubungan Kerjasama, Penyertaan, Komunikasi Terbuka, dan Persekitaran Kerja Yang Positif turut ditetapkan dalam kajian ini. Selain itu, batasan-batasan kajian yang meliputi tempat kajian, sampel kajian dan aspek kajian yang dipilih turut dinyatakan dalam bab ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang teori serta konsep yang digunakan dalam kajian ini. Konsep-konsep ini merangkumi aspek kepimpinan guru, definisi kepimpinan guru, model-model kepimpinan guru evolusi kepimpinan guru, kepimpinan guru di Malaysia, pemilihan model kepimpinan guru dalam kajian, kebaikan kepimpinan guru, batasan kepimpinan guru, peranan kepimpinan guru, tahap kepimpinan guru, tahap kepimpinan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru mengikut pengalaman kerja guru serta hubungan beban tugas guru dengan kepimpinan guru.

2.2 Teori / Konsep

2.2.1 Beban Tugas Guru

Teori Motivasi Manusia yang dikemukakan oleh Frederick Herzberg pada tahun 1966 merupakan teori yang digunakan bagi menjalankan kajian ini. Nelms (1993) di dalam kajiannya menyatakan bahawa guru sepatutnya menetapkan sasaran masa bekerja mereka selama 50 jam sahaja dalam seminggu walaupun masa itu memang tidak cukup untuk menyelesaikan kesemua tugasan mereka. Guru tidak boleh membawa tugasan yang berkaitan dengan sekolah pada waktu petang dan pada hujung minggu kerana guru juga memerlukan masa untuk keperluan keluarga dan peribadi. Namun, keadaan ini masih berterusan sehingga kini. Teori motivasi manusia berfungsi sebagai teori utama yang menerangkan hubungan antara beban guru dan tahap kepimpinan mereka. Ini kerana terdapat beberapa faktor dan motivasi yang bertanggungjawab untuk mengubah tahap kepimpinan guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mengikut Teori Motivasi Manusia yang diasaskan Frederick Herzberg pada tahun 1966, pengkaji menjelaskan perkara berkaitan motivasi manusia dalam dunia kerja. Herzberg telah membangunkan teori motivasi dwifaktor. Kajian ini dilakukan pada motivasi seseorang berkaitan masa dan situasi yang menggalakkan mereka untuk bekerja lebih keras dan masa dan situasi yang menyebabkan kurangnya motivasi untuk bekerja. Hasil kajian menunjukkan terdapat lima faktor yang boleh mempengaruhi motivasi seseorang untuk kerja. Faktor tersebut merujuk kepada aspek pengiktirafan, pencapaian, persekitaran kerja, kemajuan dan tanggungjawab. Manakala terdapat beberapa faktor yang mampu memberi impak terhadap pengurangan motivasi untuk bekerja sebagai contoh, gaji dan imbuhan, penyeliaan, suasana di tempat kerja dan hubungan sosial antara sesama pekerja. Secara ringkas melalui kajian ini terbukti bahawa terdapat dua faktor yang mampu mengubah sesuatu tahap kepimpinan individu sama ada faktor positif ataupun faktor negatif.

Perkara yang ditekankan melalui Teori Motivasi Manusia ini ialah bagaimana motivasi negatif seperti suasana serta beban tugas seorang guru mampu mempengaruhi tahap kepimpinan guru di sesebuah sekolah. Selain daripada menajalankan tugas hakiki seorang guru iaitu mengajar, guru-guru banyak diberikan tugas-tugas lain yang tidak berkaitan dengan tugas utama mereka. Tugas yang diberikan ini perlu diselesaikan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan dan mampu memberi kesan serta impak terhadap tahap kepimpinan guru tersebut. Ini telah menyebabkan penurunan dalam kepimpinan guru kerana guru tergesa-gesa untuk menyelesaikan tugas-tugas yang diberikan kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka. Keadaan ini akan menyebabkan guru kehilangan tumpuan kerana banyak tugasan mesti diselesaikan sekaligus. Ini seterusnya mengurangkan kecekapan tugas guru, kualiti kerja dan tahap kepimpinan mereka. Tugas yang semakin mencabar menyebabkan guru merasakan bahawa tugas itu pada mulanya merupakan satu bentuk tanggungjawab menjelaskan bahawa jika beban tugas seseorang bertambah maka pencapaian serta kepimpinan seseorang individu itu mungkin akan semakin menurun dan merosot (Othman & Omar, 2014).

2.2.2 Kepimpinan Guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Katzenmeyer dan Moller (2009). Setiap sekolah mempunyai gergasi yang sedang tidur iaitu kepimpinan guru. Kepimpinan guru ini mampu menjadi pemangkin kuat untuk membuat suatu perubahan bagi tujuan meningkatkan prestasi pembelajaran pelajar. Guru merupakan kumpulan terbesar pekerja sekolah dan paling dekat dengan pelajar. Kita boleh menyedarkan gergasi yang sedang tidur ini melalui pelbagai cara, teknik dan kaedah. Contohnya membantu guru mengakui bahawa mereka adalah pemimpin, menawarkan peluang untuk membangunkan kemahiran kepimpinan mereka, dan mewujudkan budaya sekolah yang menghormati kepimpinan mereka. Maka kualiti guru dapat ditingkatkan agar saranan Wehling (2007) setiap kanak-kanak mempunyai seorang guru yang berkualiti tinggi dapat dicapai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kepimpinan beralih tumpuan daripada kepimpinan guru besar sekolah kepada kepimpinan yang diagihkan, dikongsi dan aktiviti demokrasi bersama guru. Tahap kepimpinan guru dapat ditingkatkan melalui cara berkongsi pendapat, maklumat serta ilmu pengetahuan untuk mempengaruhi para pelajar bagi meningkatkan prestasi pembelajaran mereka. Latihan bagi pengetua, guru besar dan guru-guru harus dilaksanakan untuk memahami peranan pemimpin guru dan sokongan kepada guru. Maka, guru-guru dapat bekerjasama untuk memenuhi keperluan semua pelajar di sekolah (*Teacher Leadership Exploratory Consortium* [TLEC], 2011). TLEC (2011) menyatakan bahawa guru yang memegang peranan kepimpinan mesti bekerjasama dengan pengetua dan pentadbir sekolah yang lain untuk memudahkan penambahbaikan dalam mengajar dan mempromosikan amalan pengajaran terbaik di kalangan rakan sebaya untuk pembelajaran pelajar mereka. Dengan berbuat demikian, mereka mempunyai sokongan pemimpin sekolah untuk mempromosikan inovasi dan mewujudkan budaya kejayaan di sekolah. Di samping itu, ia akan mempengaruhi rakan-rakan mereka dalam konteks formal dan tidak formal dan menyokong struktur pasukan kerjasama sekolah mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.3 Evolusi Kepimpinan Guru

Kepimpinan guru telah melalui proses evolusi selama 35 tahun. Evolusi ini telah dibahagikan kepada tiga peringkat yang dinyatakan oleh Silva, Gimbert, dan Nolan (2000). Gelombang pertama kepimpinan guru bermula pada awal 1980-an. Dalam tempoh ini, peranan kepimpinan formal seperti guru besar, guru pakar, ketua jabatan, dan wakil kesatuan telah diwujudkan untuk guru (Little, 2003). Namun, kedudukan kepimpinan bertumpu pada peranan pengurusan dan pentadbiran di sekolah, kepimpinan pengajaran telah diabaikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gelombang kedua bermula pada pertengahan hingga lewat 1980-an (Silva et al., 2000). Kepentingan kepakaran pengajaran guru telah diakui dan jawatan-jawatan seperti pemimpin pasukan, pemaju kurikulum, mentor guru, dan penyertaan dalam pembangunan profesional bersama rakan-rakan guru telah diwujudkan. Selain kewujudan jawatan-jawatan itu, sistem pampasan yang berbentuk kenaikan gaji turut disedia dan dilaksanakan. Jawatan kepimpinan untuk guru-guru merupakan komponen penting dalam sistem pendidikan. Namun begitu, jawatan kepimpinan yang diperoleh oleh guru tidak mempunyai kuasa untuk membuat perubahan terhadap sekolah.

Gelombang ketiga bermula dari lewat tahun 1980-an. Kepimpinan guru menekankan budaya yang menyokong keserakanan, kerjasama dan pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berterusan dalam kalangan guru (Silva et al., 2000). Guru-guru berkongsi amalan terbaik bersama-sama rakan mereka, melibatkan diri dalam pentadbiran sekolah bersama dengan guru besar, menyertai dalam membuat keputusan untuk sekolah dan meluaskan pengetahuan mereka melalui aktiviti penyelidikan atau kerjasama (Lieberman & Miller. 2005).

Menurut Katzenmeyer dan Moller (2009), konsep kepimpinan guru telah diperkenalkan pada pertengahan tahun 1990-an dalam buku edisi pertama mereka. Ketika itu, konsep kepimpinan guru masih kurang jelas dalam kalangan guru besar. Guru besar yang belajar bersama dengan guru-guru mengenai reformasi sekolah lebih cenderung untuk memindahkan pembelajaran mereka dari bengkel pembangunan profesional kepada kerja-kerja di sekolah. Malangnya. ramai guru besar telah dipindahkan ke sekolah lain. Inisiatif di sekolah tersebut turut terjejas akibat guru besar baharu. Guru-guru yang telah belajar bersama-sama dengan bekas guru besar berasa kecewa dan tidak mempunyai kuasa untuk mengekalkan usaha penambahbaikan sekolah.

Menurut Katzenmeyer dan Moller (2009), kepimpinan guru kini merupakan satu istilah yang lebih biasa seperti yang dibuktikan oleh pertumbuhan pesat bilangan jawatan kepimpinan pengajaran, kemasukan kepimpinan guru sebagai pengukuran standard guru, dan percambahan kesusasteraan kepimpinan guru. Sebab utama kemunculan kepimpinan guru adalah disebabkan sistem sekolah telah menyedari bahawa pembangunan profesional yang ditawarkan kepada guru-guru tidak akan menyebabkan perubahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tingkah laku di dalam bilik darjah kecuali dengan bimbingan, susulan dan sokongan yang ditawarkan. Pemimpin guru telah pun diberi gelaran seperti jurulatih literasi, mentor, dan guru pakar yang akan membimbing guru-guru di sekolah. Guru yang mengamalkan kepimpinan guru akan keluar dari bilik darjah. Tambahan pula, laporan penyelidikan, bilangan jurnal dan buku-buku berkaitan kepimpinan guru yang semakin meningkat turut menjadi pemangkin kepada kewujudan kepimpinan guru (Mangin & Stoelinga, 2008).

2.2.4 Kepimpinan Guru di Malaysia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kepimpinan Guru mula didedahkan di Institusi Pendidikan Guru (IPG). Kebiasaannya, program pendidikan guru di IPG memberi tumpuan kepada penyediaan profesional guru dari segi kecekapan dan keyakinan mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bakal guru akan didedahkan tentang keperluan penguasaan bilik darjah, bahan-bahan bantu mengajar, pengurusan .tingkah laku dan kemahiran mengatasi masalah yang timbul. Kini, kepimpinan guru turut dipromosikan sebagai salah satu cara untuk meningkatkan kualiti dan pengekalan guru dalam sistem pendidikan di sekolah.

Bagi Guru Gred DG41 lantikan 2001 hingga 2011 yang ditugaskan di sekolah harus mengikuti Kursus Pembangunan Kompetensi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. Kursus latihan ini dapat memantapkan kefahaman berkaitan konsep kepimpinan guru di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam dan di luar bilik darjah (Institut Pendidikan Guru dan Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Seperti yang dinyatakan dalam buku modul peserta kursus yang diterbitkan adalah berkaitan dengan pengurusan serta kepimpinan pengajaran dan pembelajaran. Para peserta yang mengikuti dan menggunakan modul ini akan didedahkan dengan kemahiran mengenal pasti masalah pengajaran dan pembelajaran, strategi penyelesaian, penyediaan pelan tindakan, mengaplikasikan kemahiran menggunakan data dan maklumat serta mengaplikasikan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) melalui program Kemahiran Pengurusan Pembelajaran KPP (IPG & KPM, 2014).

KPP merujuk kepada amalan kolaborasi antara pendidik yang mempunyai komitmen tinggi terhadap penubuhan objektif kolektif atau pembangunan idea dan kerja kolektif untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. KPP telah dilaksanakan dan digalakkan menjadi suatu budaya di sekolah. Amalan KPP dapat meningkatkan pembelajaran wujud dalam sesuatu organisasi. Pembangunan profesionalisme dapat ditingkatkan secara berterusan sepanjang kerjaya (DuFour, Eaker, & Many, 2006). Selain itu, KPP juga merupakan satu strategi mewujudkan budaya sekolah secara kolaboratif yang berfokuskan pada pembelajaran bagi meningkatkan pencapaian murid (Feger &. Arruda, 2008).

Kepimpinan guru menekankan budaya yang menyokong keserakanan. Kerjasama, dan pembelajaran berterusan dalam kalangan guru (Silva et al., 2000). Pembelajaran berterusan yang dinyatakan ini merujuk kepada Pembangunan Profesionalisme

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berterusan (PPB). Guru-guru haruslah melibatkan diri dalam PPB untuk meningkatkan kualiti pengajaran masing-masing. Budaya bimbingan rakan sejawatan diwujudkan dalam sistem pendidikan yang baharu ini melalui pementoran, peningkatan kebertanggungjawaban rakan sejawat serta pembangunan dan perkongsian amalan terbaik dalam kalangan guru. Menurut Saedah dan Mohammed Sani (2012), sekolah harus menjalankan sistem pementoran untuk memastikan semua guru baharu mendapat bimbingan dan meningkatkan kualiti profesional guru. Tanggungjawab ini telah dipikul oleh ketua panitia dan guru cemerlang di sekolah-sekolah.

Aktiviti PPB ini menggalakkan guru membimbing sesama sendiri, membangunkan dan menyebarluaskan amalan terbaik terhadap pencapaian standard profesional guru (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2014). Guru didedahkan dengan budaya kerjasama dan kecemerlangan profesional. Maka, guru bekerjasama dalam menangani masalah melalui perkongsian amalan terbaik. Mereka mempunyai kemahiran pedagogi di dalam bilik darjah untuk memastikan setiap murid belajar. Lantaran itu, mulai 2025. diharapkan kementerian dapat membudayakan kecemerlangan berlandaskan teladan dari rakan setugas dan proses pensijilan (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) , 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.5 Definisi Kepimpinan Guru

Terdapat pelbagai definisi berkaitan kepimpinan guru. Namun, semua mempunyai tumpuan yang hampir sama iaitu mengubah peranan guru. Miller, Moon dan Elko (2000) mendefinisikan kepimpinan guru sebagai tindakan guru-guru di luar kelas yang melibatkan tanggungjawab yang jelas atau tidak untuk menyediakan pembangunan profesional kepada rakan-rakan mereka, mempengaruhi masyarakat ataupun bertindak sebagai alat tambahan untuk menyokong perubahan amalan bilik darjah dalam kalangan guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Frost dan Durrant (2003), menyatakan bahawa kepimpinan guru merupakan pemberian kuasa kepada guru-guru, peningkatan status profesional serta pemberian autonomi dan kawalan di sekolah. Pemberian kuasa akan memberi kesan ke atas keberkesanan, motivasi dan komitmen guru yang dapat meningkatkan kemajuan sekolah dan keadaan bilik darjah serta pembelajaran pelajar. Kepimpinan guru turut di1ihat sebagai suatu model kepimpinan yang mengajar semua staf di setiap peringkat dalam organisasi agar berpeluang untuk memimpin melalui penumpuan terhadap amalan peningkatan pengajaran dan pembelajaran yang berlandaskan kuasa profesional, pembangunan dan pertumbuhan dalam organisasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

York-Barr dan Duke (2004) merujuk kepimpinan guru sebagai proses mempengaruhi rakan-rakan guru, prinsip dan ahli-ahli warga sekolah secara individu atau kolektif bagi tujuan untuk meningkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran demi peningkatan prestasi pembelajaran dan pencapaian pelajar. Danielson (2006) pula mendefinisikan kepimpinan guru merupakan kemahiran guru yang mampu mempengaruhi pelajar di luar bilik darjah dan seterusnya. Wujudnya suatu struktur di mana guru berperanan formal dalam kepimpinan di sekolah seperti guru pakar, ketua pasukan dan mentor.

Yuoitt (2007) menghuraikan tentang kepemimpinan guru merupakan pelaksanaan teknologi baharu dalam amalan pengajaran dan pengamalan kaedah baharu dalam pengajaran dan pembelajaran serta mencari sumber lain yang menyokong kepada inovasi pendidikan. Selain itu, guru yang mengamalkan kepimpinan guru memahami kepentingan hubungan guru dengan pelajar.

Katzenmeyer dan Moller (2009) mendefinisikan kepimpinan guru sebagai keupayaan guru untuk memimpin dan membimbing dari dalam dan luar bilik darjah. Mereka akan mengenal pasti masalah dan menyumbang kepada komuniti guru dan pentadbir. Seterusnya, guru yang mengamalkan kepimpinan guru ini juga akan berusaha untuk mewujudkan satu persekitaran pembelajaran dan pengajaran yang kondusif dan baik di sekolah. Para guru yang mempunyai kepimpinan guru akan mampu menjalankan tugasnya tanpa perlu disuruh atau dengan kata lain tanpa perlu menerima arahan dari para

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pentadbir misalnya pengetua mahupun guru besar. Sebaliknya guru yang mengamalkan kepimpinan guru ini arif dengan perkara yang perlu dilakukan bagi mencapai matlamat pihak sekolah.

Jackson et al., (2010) turut mengatakan bahawa kepimpinan guru merupakan suatu proses yang dipraktikkan oleh guru secara individu atau bersama rakan sejawat. Proses ini dapat mempengaruhi rakan sejawat, pengetua atau ahli lain dalam komuniti sekolah untuk tujuan penambahbaikan amalan pengajaran dan pembelajaran demi meningkatkan pembelajaran dan pencapaian prestasi pelajar. Curtis (2013) mentakrifkan kepimpinan guru sebagai tanggungjawab khususnya, tanggungjawab pihak-pihak tertentu untuk mengenal pasti bakat guru yang paling berkesan untuk menggunakan perkhidmatan mereka dalam pembelajaran pelajar, pembelajaran dewasa, serta kerjasama dan peningkatan sekolah dan sistem sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kepimpinan guru sebagai tanggungjawab untuk mengenal pasti bakat guru lain bersama kemahiran mereka akan meningkatkan imej guru sebagai seorang pereka, pemimpin rakan sebaya, seorang penyelidik, dan penyokong setiap dasar yang dijalankan. Antara kebaikan utama penguasaan kepimpinan guru di sekolah ini adalah untuk mengekalkan modal insan yang cemerlang, melatih dan meningkatkan kemahiran para guru serta membantu guru lain memperbaiki kemahiran mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.6 Model-model Kepimpinan Guru

Terdapat pelbagai model kepimpinan guru yang memfokuskan aspek serta penekanan yang berbeza dari satu sama lain. Antara model kepimpinan guru adalah termasuk Model Kepimpinan Guru (REACH), Model Pembangunan Kepimpinan Guru, Standard Pemimpin Guru Kansas serta Standard Model Pemimpin Guru.

Model Kepimpinan Guru (REACH) telah diperkenalkan oleh Eunice (2007). Model ini menerangkan perihal beberapa aspek kepimpinan guru iaitu *effectiveness, risk-taking, autonomy, honor* dan *collegiality*. Secara ringkasnya, *effectiveness* membawa maksud dan erti kepada keberkesanan para guru dalam menjalankan tugas hakiki mereka, *risk-taking* membawa erti kepada perbuatan serta pengambilan risiko oleh guru serta *autonomy* merujuk kepada guru yang menunjukkan inisiatif dan tanggungjawab terhadap tugasnya. Seterusnya *honor* membawa erti penghormatan, integriti, etika, kejujuran dan professional seorang guru terhadap, kerjayanya. Aspek kelima iaitu *collegiality* membawa keserakanan serta kemahiran komunikasi yang interaktif.

Aspek pertama iaitu *effectiveness* membawa maksud keberkesanan. Kepimpinan guru bukan saja merujuk kepada kepakaran dalam bidang pengajian mereka dalam usaha untuk mewujudkan kepercayaan, malah mereka juga perlu menjalankan sesuatu aktiviti dengan berkesan (Eunice, 2007). Guru perlu mencari cara untuk menyampaikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajarannya dengan lebih berkesan serta menggunakan bahan maklumat yang membantu proses pembelajaran menjadi lebih efektif. Guru juga perlu mengamalkan model amalan terbaik, pertumbuhan profesional dan tindakan berkesan seperti program penyayang dan mentor. Keberkesanan seorang guru itu tidak seharusnya hanya merangkumi proses pembelajaran di dalam kelas malah terhadap pembentukan jati diri seorang pelajar tersebut di luar waktu kelasnya.

Seterusnya, Eunice (2007) menekankan bahawa aspek kedua iaitu risk-taking merujuk kepada para guru yang sanggup menghadapi pelbagai risiko untuk meningkatkan kemahiran diri mereka serta para guru yang menikmati cabaran untuk meningkatkan pencapaian pelajar. Bagi membawa nilai kepimpinan guru, aspek ini mendefinisikan aktiviti guru yang sentiasa mecipta proses pembelajaran yang unik serta mencari cabaran baru. Guru-guru ini akan mengenal pasti dan membantu menjayakan misi sekolah. Adalah rutin serta perkara biasa bagi guru kelas untuk menyelesaikan sesuatu isu serta membuat pelbagai keputusan harian namun aspek serta sifar yang menjadikan seorang guru itu pemimpin adalah kemahiran mengawal sesuatu perkara, bertanggungjawab terhadap tugasnya, serta sentiasa mencari ruang untuk memperbaiki diri bagi mencapai sesuatu matlamat.

Seterusnya, aspek yang ketiga bagi Model Kepimpinan Guru (REACH) ialah *autonomy*. Salah satu isu yang sering timbul di sekolah adalah apabila para guru merasakan bahawa mereka hanya perlu menjalankan sebarang arahan yang diberikan oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pihak pentadbir mahaupun pihak atas kepada mereka. Kebanyakan guru berasa seperti hamba kerana pihak bertanggungjawab ini tidak mengambil berat terhadap keperluan kelas mahupun pelajar mereka (Eunice, 2007). Kepimpinan guru memfokuskan aspek autonomi ketika menjalankan aktiviti yang mampu meningkatkan pencapaian pelajar. Guru yang mempunyai peranan dalam membuat sebarang keputusan untuk pelajarnya akan mempunyai kepimpinan yang tinggi hasil daripada tanggungjawab yang diberikan kepadanya. Misalnya, guru yang mempunyai peranan bagi sebarang penyelidikan di sekolah akan bertanggungjawab untuk mencari serta sentiasa memikirkan kaedah pengajaran yang baru untuk memastikan pencapaian pelajar dapat ditingkatkan.

Keempat, *honor*. Guru yang mempunya nilai ini merujuk kepada mereka yang mempunyai nilai jati diri yang tinggi, mempunya integrity, bertanggungjawab serta jujur dan beretika terhadap tugas mereka sama ada terhadap pelajar mahu pun terhadap rakan guru. Dengan kepimpinan guru ini, guru akan berusaha untuk menawarkan perkhidmatan mereka yang terbaik demi memastikan kejayaan sekolah serta meningkatkan prestasi pelajar mereka (Eunice,2007).

Aspek terakhir iaitu aspek kelima bagi model ini ialah *collegiality*. Nilai keserakanan merupakan nilai yang mendefinisikan konsep kepimpinan guru dari aspek *collegiality*. Para guru perlu mewujudkan satu komuniti serta satu hubungan yang baik antara para guru bagi memastikan nila keserakanan wujud di dalam sekolah (Eunice, 2007). Melalui aspek keserakanan para guru akan menganggap satu komuniti itu sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keluarga dan berasa tanggungjawab terhadap mereka. Bagi menuju kearah kebaikan sesuatu komuniti, guru yang mempunya kepimpinan guru haruslah berkemampuan untuk menyelesaikan masalah dalam komuniti, berjaya mewujudkan satu hubungan baik antara ahli serta berusaha untuk memperoleh kepercayaan dalam kalangan ahli komuniti atau organisasi tersebut. Nilai keserakanan ini akan membawa impak yang positif terhadap pembentukan sikap kepimpinan guru.

Model Pembangunan Kepimpinan Guru pula dibina oleh Katzenmeyer dan Moller (2009) untuk menyediakan guru ke arah peranan kepimpinan. Model ini turut dikenali sebagai *Leadership Development For Teachers Model* (LDT). Model LDT dibina bertujuan untuk menyediakan satu rangka kerja untuk pembelajaran profesional melangkaui kecekapan kemahiran mengajar bagi mengembangkan potensi guru sebagai pemimpin, berkolaboratif dengan rakan sebaya dan diikuti dengan rakan sekerja dan akhir sekali dengan sekolah (Norashikin et al., 2013).

Katzenmeyer dan Moller (2009), menerangkan model LDT ini terdiri daripada empat komponen iaitu strategi pengaruhi, penilaian peribadi, pengubahan sekolah dan pelan tindakan. Penilaian kendiri merujuk kepada pemberian peluang kepada guru untuk menilai tahap kecekapan dan kemahiran yang ada pada seseorang guru untuk menjadi pemimpin. Pengubahan sekolah merujuk kepada pemimpin guru mendapat manfaat daripada memahami perubahan sekolah ataupun budaya sekolah dalam pembentukan kepimpinan guru. Strategi pengaruhi merupakan penjelasan tentang bagaimana pemimpin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru mempengaruhi guru dalam mengamalkan kepimpinan guru. Seterusnya, pelan tindakan pula merujuk kepuda penggunaan kemahiran, pengetahuan dan sikap kepimpinan guru dalam membuat perubahan sekolah untuk pembangunan pengetahuan guru terhadap kepimpinan guru.

Katzenmeyer dan Moller (2009) menjelaskan langkah pertama dalam model LDT adalah komponen penilaian peribadi. Penilaian peribadi dijalankan oleh guru untuk menguji kepercayaan mereka terhadap diri sendiri. Penilaian peribadi ini penting kerana perubahan kepimpinan dari pihak pentadbir kepada guru dipengaruhi oleh perubahan dalam pemikiran dan diikuti dengan perubahan sikap, kesedaran dan kesediaan guru untuk berubah (Abdullah Sani, Abdul Rashid, & Abdul Ghani. 2007). Melalui penilaian peribadi, seseorang guru itu dapat mengenal pasti nilai, tingkah laku dan asas prestasi profesional guru. Setiap guru dikehendaki mengisi satu borang soal selidik yang dikenali *Teacher Leadership Self Assessment* (TLSA) ataupun Penilaian Kendiri Kepimpinan Guru yang disediakan Katzenmeyer dan Moller (2009). Domain yang diuji adalah berkaitan i) kesedaran diri, ii) menerajui perubahan. iii) komunikasi, iv) kepelbagaian, v) kemahiran pengajaran dan kepimpinan, vi) peningkatan berterusan, dan vii) pengurusan kendiri.

Katzenmeyer dan Moller (2009) menjelaskan domain kesedaran diri diuji agar guru mendapat gambaran berkaitan kekuatan diri mereka serta tingkah laku mereka dengan lebih tepat. Domain menerajui perubahan menguji kemahiran dan tahap kreatif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seorang guru bagi mencari cara serta strategi yang berkesan untuk memudahkan proses pembelajaran dan pengajaran mereka. Domain komunikasi pula menguji kemahiran guru mendengar secara efektif. Berkomunikasi lisan, membuat pembentangan dan mengungkap dalam komunikasi bertulis. Domain kepelbagaian menguji kemahiran guru untuk menunjukkan rasa hormat dan memberi respons berdasarkan perbezaan perspektif guru lain. Domain kemahiran pengajaran dan kepimpinan digunakan untuk menguji kemahiran guru dalam menyediakan pembelajaran yang berkesan untuk pelajar dengan cara mereka menggunakan pengalaman, ilmu pengetahuan dan kemahiran profesional mereka yang tersendiri. Domain peningkatan berterusan pula untuk menguji kesediaan untuk mengambil tindakan perubahan dan komitmen guru dalam mencapai standard yang lebih tinggi. Domain pengurusan kendiri digunakan untuk menguji kemahiran guru dalam melaksanakan rancangan berdasarkan keputusan yang dibuat dan menetapkan tindakan.

Katzenmeyer dan Moller (2009) menjelaskan langkah kedua dalam model LDT adalah komponen pengubahan sekolah. Perubahan sekolah dilaksanakan untuk menilai kedudukan sekolah ataupun budaya sekolah yang menyokong pembentukan kepimpinan guru. Guru akan mendapat faedah dengan melihat semula melalui soal selidik dan membuat analisis mengenai budaya sekolah mereka. Guru perlu meneroka dapatan soal selidik dan membuat definisi sendiri berkaitan kepimpinan guru sekolahnya dan memikirkan keperluan kepimpinan guru dalam membuat penambahbaikan dan perubahan di sekolah. Soal selidik yang disediakan oleh Katzenmeyer dan Moller (2009) dikenali *Teacher Leadership School Survey* (TLSS) ataupun Kajian Sekolah terhadap Kepimpinan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru. Domain yang diuji adalah berkaitan i) tumpuan pembangunan. ii) pengiktirafan, iii) autonomi, iv) hubungan kerjasama, v) penyertaan, vi) komunikasi terbuka dan vii) persekitaran yang positif.

Menurut Katzenmeyer dan Moller (2009). domain tumpuan pembangunan diuji untuk menguji budaya sekolah yang membantu guru dalam memperoleh kemahiran dan pengetahuan baharu serta menggalakkan untuk membantu guru lain belajar. Guru-guru diberi bantuan dari segi bimbingan dan panduan dalam kerjaya dan keperluan mereka. Domain pengiktirafan dapat menguji budaya sekolah yang memberi pengiktirafan kepada guru dari segi peranan dan sumbangan yang telah di buat. Semangat saling menghormati dan prihatin wujud dalam kalangan guru. Domain autonomi digunakan untuk menguji budaya sekolah dalam pemberian autonomi. Guru digalakkan untuk menjadi proaktif dalam membuat inovasi dan penambahbaikan. Selain itu, halangan diatasi dan sumber-sumber yang menyokong usaha-usaha guru turut dikenal pasti.

Katzenmeyer dan Moller (2009) menjelaskan domain hubungan kerjasama digunakan untuk menguji kerjasama dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pengajaran dan pelajar. Contoh, guru membincangkan strategi berkongsi bahan-bahan, atau hasil pemerhatian dalam satu bilik darjah antara satu sama lain. Domain penyertaan pula digunakan untuk menguji budaya sekolah yang melibatkan guru secara aktif dalam membuat keputusan dan mempunyai input mengenai perkara- perkara penting seperti pemilihan ketua panitia ataupun ketua pasukan. Muijs dan Harris (2007), membuktikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa penyertaan aktif dalam proses membuat sesuatu keputusan mempunyai kesan positif terhadap pelaksanaan kepimpinan guru.

Menurut Katzenmeyer dan Moller (2009), domain komunikasi terbuka menguji kesediaan sekolah dalam menerima dan menghantar maklumat yang berkaitan dengan keberkesanan fungsi sekolah secara jujur dan terbuka. Muljs dan Harris (2007), membuktikan bahawa komunikasi yang berkesan dalam kalangan ahli masyarakat sekolah mempunyai kesan positif terhadap pelaksanaan kepimpinan guru-guru yang terlibat. Guru-guru dimaklumkan mengenai apa yang berlaku di sekolah. Oleh itu, guru-guru mudah berkongsi pendapat dan perasaan dan tidak dipersalahkan apabila berlaku kesilapan. Domain persekitaran yang positif menguji tahap kepuasan umum terhadap persekitaran kerja. Guru-guru berasa dihormati antara satu sama lain, sama ada daripada ibu bapa, pelajar mahupun pentadbir. Guru melihat sekolah mempunyai kepimpinan pentadbiran yang berkesan. Pasukan yang dilantik secara rasmi ataupun tidak rasmi dapat bekerjasama secara berkesan demi keperluan dan kepentingan pelajar.

Katzenmeyer dan Moller (2009) menjelaskan langkah ketiga model LDT adalah komponen strategi pengaruhi. Dalam komponen ini, strategi pengaruhi diperlukan bagi mempengaruhi orang lain. Bagi mempengaruhi dan memberi kesedaran serta impak kepada guru lain, para guru perlulah mengembangkan kemahiran sedia ada mereka. Salah satu cara adalah memberi pengiktirafan kepada guru-guru yang cuba mengamalkan kepimpinan guru. Guru yang mengamalkan kepimpinan guru harus mengadakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mesyuarat yang berkesan dalam menyelesaikan masalah pekerjaan pada tahap pasukan ataupun sekolah. Mereka memerlukan kemahiran berkomunikasi iaitu mendengar pandangan orang lain lebih daripada pandangan diri sendiri. Mereka perlu tahu bahawa setiap orang mempunyai perbezaan pandangan dan pendapat serta haruslah menghormati perbezaan itu dan menerima pandangan dari orang lain. Kemahiran komunikasi amat penting dalam komponen strategi pengaruhi terutamanya dalam menetapkan strategi-strategi yang mantap untuk membuat penambahbaikan ataupun perubahan.

Akhir sekali, Katzenmeyer dan Moller (2009), menjelaskan komponen terakhir model LDT adalah perancangan tindakan. Pemindahan dan penggunaan kemahiran, pengetahuan dan sikap baru ini penting dalam menentukan strategi untuk membuat perubahan kepada perkembangan guru. Pemimpin guru harus mempunyai komitmen untuk menggunakan ilmu pengetahuan kepimpinan baru mereka untuk memperbaiki sekolah mereka demi semua pelajar. Kejayaan pembentukan kepimpinan guru dalam kalangan guru amat bergantung kepada sokongan pihak pentadbir sekolah. Guru diberi peluang untuk memanfaatkan asas pengetahuan kepimpinan bukan saja dalam kelas mereka, malah juga kelas lain dan sekolah mereka. Guru yang mengamalkan kepimpinan guru akan sering memikirkan apa yang boleh mereka buat untuk membantu dan membangunkan sekolah mereka.

Model seterusnya adalah Standard Pemimpin Guru Kansas yang juga dikenali sebagai *Kansas Teacher Leader Standards*. Model ini telah dibentuk oleh Jabatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendidikan Negeri Kansas (Jackson et al., 2010). Terdapat lapan standard yang terkandung dalam model ini iaitu (i) Pembelajaran Dewasa, (ii) Pemerhatian dan Maklum balas, (iii) Kerjasama dengan Keluarga dan Pihak Berkepentingan Lain, (iv) Kajian Tindakan, (v) Kerjasama Pasukan, (vi) Advokasi, (vii) Penggunaan Data serta yang terakhir (viii) Pembangunan Profesional.

Standard satu iaitu standard pembelajaran dewasa menerangkan perihal guru yang menjalankan pelbagai aktiviti-aktiviti guru dengan menggunakan strategi serta kaedah pembelajaran dewasa (Jackson et al., 2010). Standard yang kedua iaitu pemerhatian dan maklum balas pula merujuk kepada kebolehan para pemimpin guru untuk mempengaruhi serta meningkatkan kemahiran rakan-rakan mereka dengan membuat pemerhatian serta memberi respon dan tindak balas yang berkualiti dengan tujuan memberi sokongan. Menurut Jackson et al., (2010) juga standard tiga iaitu kerjasama dengan keluarga serta pihak berkepentingan lain merujuk kepada para guru atau pemimpin guru yang sentiasa berusaha untuk mewujudkan hubungan serta kerjasama dalam berurusan dengan keluarga, pihak sekolah, mahupun pihak berkepntingan yang lain.

Seterusnya, standard empat iaitu kajian tindakan membawa maksud bahawa pemimpin guru ini mampu untuk berusaha dan membuat inisiatif sendiri terhadap proses pelaksanaan sebarang penyelidikan serta membuat analisis data yang diperlukan. Standard lima, iaitu kerja berpasukan pula merujuk kepada para pemimpin guru yang mengamalkan sikap keserakanan. Melalui sikap keserakanan pemimpin guru akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sentiasa berusaha untuk memberi sokongan serta meningkatkan interasi dalam kerja berpasukan bersama guru-guru lain. Menurut Jackson (2010), standard enam iaitu advokasi merujuk kepada pemimpin guru yang sentiasa peka terhadap isu semasa serta sentiasa mencari peluang untuk membuat sebarang penambahbaikan sama ada di dalam sekolah mahupun terhadap komuniti di luar sekolah.

Seterusnya menurut Jackson et al., (2010) standard tujuh, pengunaan data merujuk kepada para pemimpin guru yang mampu untuk menggunakan maklumat dan informasi yang ada dengan baik serta mampu memaksimakan penggunaannya demi kebaikan pihak sekolah dan para pelajar. Standard yang terakhir iaitu standard lapan merujuk kepada pembangunan professional. Melalui pembangunan professional, pemimpin guru mampu untuk meningkatkan kemahiran diri, memperbaiki interaksi, serta menambah pengetahuan bagi memenuhi keperluan sekolah, para guru serta pelajar.

Model Standard Model Pemimpin Guru yang dikenali sebagai *Teacher Leader Model Standards* (TLMS) telah dibentuk oleh Konsortium Penerokaan Kepimpinan Guru. Model ini telah dibentuk dengan tujuan untuk menggalakan serta menyokong kepimpinan guru sebagai satu aspek perubahan yang penting untuk membawa pembaharuan terhadap sekolah seiiring dengan keperluan abad ke-21 (TLEC, 2011). Model standard ini akan membantu proses penyediaan guru yang berpengalaman untuk menjalankan peranan kepimpinan misalnya mentor pembelajaran, pakar kokurikulum,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

fasilitator, serta jurulatih data. Terdapat tujuh domain utama yang dinyatakan dalam Standard Model Pemimpin Guru.

Domain pertama iaitu menyokong pembangunan pendidikan dan pembelajaran pelajar dengan memupuk budaya kolaboratif. Melalui budaya ini, pemimpin guru perlu mahir menggunakan pembelajaran dewasa serta mahir untuk membangunkan budaya koloboratif di sekolah. Melalui budaya ini juga pemimpin guru akan dapat mewujudkan nilai keserakanan di sekolah, menggalakan nilai-nilai seperti amanah, saling menghormati serta focus pada pencapaian sekolah yang berterusan. Domain yang kedua ialan menggunakan dan mengakses penyelidikan bagi meningkatkan pembelajaran para pelajar. Pemimpin guru perlu berkemahiran dan sentiasa mencari cabaran serta membuat penyelidikan berterusan bagi proses pengajaran dan pembelajaran.

Domain ketiga ialah menggalakkan pembelajaran profesional untuk membuat penambahbaikan secara berterusan. Pemimpin guru perlu sejajar dengan keperluan pendidikan masa kini yang sentiasa memerlukan perubahan serta penambahbaikan bagi memastikan kejayaan sekolah dapat dicapai. Pemimpin guru juga seharusnya menggunakan kemudahan teknologi dengan sebaiknya bagi mengakses mahupun menyimpan maklumat. Seterusnya, domain keempat ialah memudahkan penambahbaikan dalam arahan dan pembelajaran pelajar. Bagi memudahkan serta meningkatkan tahap pengajaran dan pembelajaran para pelajar di sekolah, pemimpin guru perlu mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemahaman yang tinggi dan mendalam terhadap proses pengajaran serta kemahiran mereka.

Selain itu, domain kelima menggalakkan penggunaan penilaian dan data untuk peningkatan sekolah dan daerah. Pemimpin guru perlu memastikan proses penilaian yang sesuai untuk pihak sekolah. Proses ini boleh dibuat bersama guru-guru lain bagi mendapatkan respon dan tindak balas yang diperlukan pihak sekolah. Penilaian serta maklumat yang dibuat dan diperoleh perlu digunakan sebaiknya oleh pemimpin guru untuk melakukan sebarang perubahan bagi memastikan pencapaian pelajar dapat ditingkatkan secara berterusan. Domain keenam meningkatkan jangkauan dan kerjasama dengan keluarga dan masyarakat yang merujuk kepada pemimpin guru yang memahami bahawa adalah penting untuk mewujudkan satu persekitaran yang kondusif dan harmoni antara keluarga, pihak sekolah serta masyarakat.

Domain terakhir iaitu domain ketujuh merujuk kepada amalan menyokong pembelajaran pelajar dan profesion. Domain ini menjelaskan bagaimana seorang pemimpin guru memahami proses perubahan pendidikan dalam negara. Misalnya, pemimpin guru hendaklah memahami bagaimana proses pembentukan dasar pendidikan dibuat dan pemimpin guru perlu berpengetahuan terhadap dasar-dasar yang telah dibuat. Pengetahuan ini perlu digunakan untuk menyokong keperluan pelajar di sekolah di samping berusaha untuk meningkat kemahiran diri dalam profesion perguruan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.7 Pemilihan Model Kepimpinan Guru dalam Kajian

Dalam kajian ini, saya telah memilih untuk menggunakan Model Pembangunan Kepimpinan Guru dibina oleh Katzenmeyer dan Moller (2009). Hal ini kerana. model ini amat sesuai digunakan di peringkat kajian saya. Melalui penyelidikan mereka yang meliputi lebih daripada 5.000 orang guru, mereka telah memperoleh tujuh dimensi dalam sekolah yang menyokong kepada perkembangan kepimpinan guru yang berjaya. Dimensi tersebut diterangkan seperti berikut: Tumpuan Pembangunan, Pengiktirafan, Autonomi. Hubungan Kerjasama, Penyertaan, Komunikasi Terbuka, dan Persekitaran Kerja Yang Positif. Melalui soal selidik TLSS, guru akan mendapat faedah setelah melihat semula soal selidik dan membuat analisis mengenai sekolah mereka. Guru perlu meneroka, menganalisis dapatan soal selidik dan membuat definisi sendiri berkaitan kepimpinan guru sekolahnya dan memikirkan keperluan kepimpinan guru dalam membuat perubahan dan penambahbaikan di sekolah. Bagi saya, budaya menyokong kepimpinan guru dapat digunakan untuk menentukan jenis keperluan dan mengukur tahap kepimpinan guru sebelum membuat perancangan tindakan yang seterusnya dalam membuat penambahbaikan untuk pembentukan kepimpinan guru di sekolah seperti yang dinyatakan oleh Xie (2008), iklim sekolah adalah penting untuk menerangkan kepimpinan guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.8 Batasan Kepimpinan Guru

Dehart (2011), menyebut tiga jenis halangan iaitu halangan hubungan yang melibatkan dinamik hubungan antara pemimpin guru dengan rakan-rakan dan pengetua mereka, halangan peribadi yang timbul dari dalam diri guru sendiri dan menyumbang kepada kesukaran program kepimpinan guru untuk berjaya dan yang terakhir halangan struktur.

2.2.9 Halangan Hubungan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam usaha untuk kepimpinan guru berkesan, hubungan khas mesti wujud antara pentadbir sekolah dengan pemimpin guru (Dehart, 2011). Berhadapan dengan akauntabiliti yang semakin meningkat, guru besar kembali kepada pendekatan alas ke bawah yang mengancam kepercayaan dan kerjasama antara pentadbir dan guru (Katzenmeyer & Moller, 2009). Pentadbir sekolah akan melihat kepimpinan guru sebagai satu cabaran kepada kuasa mereka (Cultis. 2013). Menurut DeVilliers dan Pretorius (2012), penggunaan perkataan seperti bos dan staf guru akan menjejaskan hubungan antara pemimpin guru dengan pentadbir sekolah boleh menyebabkan pemimpin guru dianggap sebagai orang bawahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dehart (2011), menyatakan bahawa kebimbangan guru yang merasakan mereka tidak mempunyai kemahiran untuk memimpin orang dewasa yang lain. Guru jarang terlibat dalam membina kemahiran ini. Justeru, mereka berasa kurang yakin untuk mengambil peranan sebagai pemimpin guru (DeVilliers & Pretorius, 2012). Menurut Taylor et al, (2011), kebiasaannya guru menutup pintu mereka dan meneruskan kerja-kerja mereka secara berasingan. Mereka berasa selesa bertugas dalam dunia peribadi mereka. Menurut DeVilliers & Pretorius (2012), pemikiran bahawa saya hanya mahu mengajar dan hanya seorang guru turut menjadi faktor halangan peribadi dalam pembentukan kepimpinan guru.

Menurut Taylor et al., (2011), ketiadaan struktur di sekolah-sekolah untuk guru-guru menggubal peranan kepimpinan merupakan faktor halangan. Dehart (2011), menyatakan kualiti kepimpinan guru bergantung kepada budaya sekolah. Kebanyakan guru menerangkan bahawa konteks sekolah yang tidak menggalakkan mereka untuk menjadi pemimpin. Mereka lebih cenderung memohon pertukaran ke sekolah yang lebih kondusif untuk aspirasi dan perubahan dalam kepimpinan mereka. Selain itu, sistem sekolah yang hanya bertumpu kepada kepimpinan pengetua sahaja, kekurangan sokongan daripada pihak pentadbir, ketiadaan masa untuk pembangunan kepimpinan guru dan ketiadaan ganjaran terhadap usaha tambahan juga merupakan faktor penghalang pembentukan kepimpinan guru (DeVilliers & Pretorius. 2012). Menurut Curtis (2013), seorang guru memerlukan masa untuk melakukan kerja kepimpinan seperti membawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

satu pasukan, melatih dan menilai kakitangan, membina kemahiran dan pengetahuan di sekitar rakan-rakan.

2.2.10 Peranan Pemimpin Guru

Menurut Billingsley (2007), peranan kepimpinan guru turut mengalami perubahan. Sebelum ini, peranan kepimpinan guru adalah berstruktur dan formal seperti memegang jawatan-jawatan tertentu di sekolah. Pemimpin guru membantu dalam melaksanakan keputusan yang ditetapkan oleh organisasi sekolah. Menurut Dehart (2011), pemimpin guru telah dikaitkan dengan gelaran rasmi yang mengenal pasti mereka sebagai pemimpin. Sebagai contoh. pemimpin guru yang menjalankan tugas pentadbiran boleh dirujuk sebagai ketua-ketua jabatan, ketua panitia, dan pemimpin pasukan penambahbaikan di sekolah. Selain itu, gelaran rasmi ini juga diberi kepada pemimpin guru yang memikul peranan kerjasama termasuk mentor, jurulatih, fasilitator, ketua pasukan dan pemaju kakitangan.

Namun, pemimpin guru kini berperanan sebagai agen perubahan dalam mewujudkan sekolah berkesan yang merujuk kepada setiap pelajar berpeluang mempunyai guru yang berkualiti tinggi (Wehling. 2007). Curtis (2013), menyatakan bahawa kepimpinan guru melibatkan peranan khusus dan tanggungjawab yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengiktiraf bakat-bakat guru dan menggunakannya dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar, pembelajaran dewasa dan pembelajaran sekolah. Banyak penyelidikan terkini menunjukkan guru-guru boleh melibatkan diri dalam kepimpinan tanpa gelaran rasmi kepimpinan (Smylie & Mayrowetz, 2009). Pemimpin guru ini turut menjalankan banyak tugas yang sama sebagai guru di kedudukan formal seperti memainkan peranan penting dalam pentadbiran, pengajaran, kerjasama, dan penyelidikan.

Pemimpin guru bertindak sebagai pemimpin dengan mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan dan membantu pihak sekolah dalam menjalankan operasi tugas (Katzenmeyer & Moller, 2009). Pemimpin guru berkhidmat dalam jawatankuasa sekolah seperti pasukan penambahbaikan sekolah, bertindak sebagai ketua aliran atau ketua panitia. Selain itu, pemimpin guru turut menyokong inisiatif sekolah dan mewakili sekolah kepada masyarakat setempat. Seorang pemimpin guru secara keseluruhannya harus berkongsi visi dan misi sekolah serta memastikan matlamat profesional beliau sejajar dengan kejayaan sekolah.

Guru-guru turut mempunyai peranan kepimpinan bekerjasama dengan rakan-rakan mereka untuk mewujudkan budaya kolaboratif dan meningkatkan prestasi pengajaran di seluruh sekolah. Bagi membantu pengajaran guru menjadi lebih berkesan kepada guru-guru, program mentor diwujudkan. Pemimpin guru yang berkhidmat sebagai mentor memainkan peranan menyesuaikan guru di sekolah melalui khidmat nasihat kepada guru baharu tentang pengajaran, kurikulum, amalan dan prosedur. Pemimpin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru turut memainkan peranan dalam perkongsian sumber pengajaran. Sumber-sumber pengajaran ini terdiri daripada portal, laman web, bahan-bahan pengajaran, bahan-bahan bacaan atau sumber- sumber lain untuk kegunaan pelajar. Kemungkinan perkongsian sumber profesional seperti jurnal, artikel, rancangan pelajaran atau alat penilaian dan pentaksiran turut berlaku. Pemimpin guru memainkan peranan penting dalam perancangan dan pelaksanaan program perkembangan staf yang mampu membantu guru meningkatkan profesionalisme mereka (Muhammad Faizal, 2008).

Menurut Muhammad Faizal (2008), Pemimpin guru harus menguasai kandungan, kaedah, teknik pengajaran, serta membentuk sebuah pasukan yang mampu memberi sumbangan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada warga dalam dan luar sekolah. Pemimpin guru seharusnya mempunyai kepakaran membimbing dan mempengaruhi rakan sejawat terutamanya guru baharu dan guru yang bermasalah untuk berkongsi pengetahuan dan kemahiran. Pemimpin berupaya memimpin serta membimbing dirinya dan rakan sekerjanya ke arah matlamat tanpa paksaan. (Abdullah Sani et al., 2007).

Menurut Harrison dan Killion (2007), seorang pemimpin guru berperanan sebagai pakar pengajaran yang mampu membantu rakan-rakan dalam melaksanakan strategi pengajaran yang lebih baik dan berkesan. Bantuan ini termasuklah merancang proses pengajaran dan pembelajaran dengan kerjasama guru-guru yang lain. Dengan cara itu, kaedah pengajaran yang sesuai dapat diterokai dan seterusnya dipraktikkan kepada para pelajar dalam proses pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemimpin guru harus menganggap diri mereka sebagai pelajar kerana pembelajaran sepanjang hayat diperlu dan dituntut dalam dunia pendidikan kini. Segala yang dipelajari harus digunakan untuk membantu peningkatan pencapaian semua pelajar. Pemimpin guru banyak mengambil peranan pemudah cara, penyelidik atau penyelesai masalah ketika melakukan tugas kepimpinan mereka. Pemimpin guru melibatkan diri dalam penyelidikan tindakan untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah-masalah tertentu di sekolah mereka. Pengumpulan dan penganalisisan data turut merupakan peranan pemimpin guru. Kebiasaannya, guru mempunvai akses kepada data. Namun, mereka tidak kerap menggunakan data dalam pengajaran di bilik darjah. Para guru seharusnya berkerjasama bagi membuat analisis serta melakukan perbincangan bersama rakan kerja mereka terhadap setiap maklumat yang diperoleh. Pemimpin guru juga turut melaksanakan amalan refleksi bagi tujuan penambahbaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid (Muhammad Faizal, 2008).

2.2.11 Tahap Kepimpinan Guru

Menurut Norashikin, Ramli dan Foo (2015), tahap kepimpinan guru di 40 buah sekolah menengah harian di negeri Johor adalah pada tahap yang tinggi. Keenam-enam dimensi yang dikaji iaitu penilaian kendiri dan membuat perubahan, kepelbagaian, kemahiran pengajaran, organisasi kendiri, penambahbaikan yang berterusan dan komunikasi adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pada tahap yang tinggi. Dalam kajian Siti Aida (2011), menunjukkan amalan kepimpinan guru berada pada tahap tinggi dalam kalangan guru-guru Sains dan Matematik Sekolah Menengah di Shah Alam. Guru yang mengamalkan kepimpinan guru akan sentiasa memikirkan cara untuk memajukan sekolah walaupun sekolahnya sudah menempa banyak kejayaan.

2.3 Kajian Lepas

2.3.1 Beban Tugas Guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru hari ini dibebani dengan pelbagai tugas sampingan selain daripada tugas utama mereka iaitu mengajar. Keadaan ini menyebabkan sebilangan besar guru berasa letih, kecewa, tidak puas hati dan terbeban. Justeru, keadaan ini menyebabkan tahap kepimpinan guru-guru agak menurun. Bebanan tugas-tugas sampingan ini mengganggu guru-guru dalam menyelesai dan menjalankan tugas utama mereka. Guru yang kecewa dengan bebanan tugas lain yang diberikan kepadanya itu akan menyebabkan gangguan emosi dan boleh bertindak spontan dan di luar kawalan mereka sendiri. Keadaan sebegini akan menjejaskan tahap kerja seseorang guru dan seterusnya dapat memberi kesan yang tidak baik kepada kepimpinan mereka di sekolah. (Raja Maria Diana Raja Ali, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Begitu juga dengan kajian-kajian yang telah dibuat oleh beberapa orang pengkaji dari luar negara. Mereka juga berpandangan seperti pengkaji di negara kita iaitu bebanan tugas yang diberi kepada guru-guru mengganggu tahap kepimpinan mereka. Pengkaji dari luar negara seperti Chughati dan Perveen (2013) juga menyatakan bahawa bebanan tugas guru turut memberi kesan kepada kepimpinan guru-guru di beberapa buah sekolah kerajaan dan sekolah swasta di Bandar Lahore, Pakistan. Menurutnya, kajian yang melibatkan seramai seratus orang guru sebagai responden itu telah mendapati bahawa bebanan tugas guru-guru di sekolah menengah kerajaan lebih tinggi berbanding bebanan tugas guru-guru di sekolah menengah swasta.

Hasil kajian menunjukkan sebilangan besar guru-guru ini diberi dan dibebani dengan tugas-tugas yang banyak dan berlebihan daripada tugas utama mereka sendiri. Beberapa cadangan dan penambahbaikan telah dikemukakan oleh guru-guru bagi mengatasi bebanan tugas yang banyak ini. Antara cadangan yang dikemukakan oleh guru-guru ini pengagihan masa dan tempoh masa yang sesuai bagi menguruskan tugasan yang diberi, menambahkan bilangan guru-guru di sekolah, menyediakan staf sokongan yang mencukupi, memberi insentif dan penghargaan kepada guru-guru serta mengagihkan jumlah pelajar dalam setiap kelas dengan jumlah yang sesuai. Ini bagi memastikan tahap kepimpinan guru-guru berada pada tahap yang cemerlang di semua sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Suryandari (2016) pula menunjukkan bahawa faktor-faktor seperti pihak atasan yang tidak peka dengan masalah pekerja, bebanan tugas yang banyak, hubungan yang tidak baik antara pekerja dengan pekerja dan beberapa faktor social yang lain adalah punca berlakunya kemerosotan dalam tahap kepimpinan guru-guru di kebanyakan sekolah. Beliau turut menyatakan bahawa tugas-tugas guru yang berlebihan dan banyak ini menyebabkan prestasi sesetengan guru menurun dan merosot. Ini boleh menyebabkan guru-guru ambil mudah dan tidak bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tugas-tugas mereka. Keadaan sebegini bukan sahaja mempengaruhi prestasi guru-guru malah turut juga memberi kesan terhadap pencapaian dan prestasi dalam kalangan pelajar mereka.

Seramai lima puluh tujuh orang guru di Yayasan Kyai Ageng Giri Mranggen Demak terlibat dalam kajian yang telah dibuat oleh Arifin (2013) berkaian pengaruh kepimpinan guru, disiplin dan beban kerja terhadap kepimpinan guru dan prestasi mereka. Maklumat yang diperoleh menunjukkan keefisienan tugas guru sememangnya dipengaruhi oleh kepemimpinan seseorang guru dan beban kerja juga berpengaruh secara positif terhadap tahap kepimpinan. Ini bermaksud semakin meningkat beban kerja, maka tahap kepimpinan kerja guru juga akan meningkat.

Sekiranya bebanan tugas yang diberi kepada seseorang pekerja bersesuaian dan tidak membebankan, tahap kepimpinan pekerja itu berada pada tahap memuaskan menurut Kimbal, Sendow dan Adare (2015).. Hal ini adalah perlu kerana beban tugas yang berkesesuaian dengan kemahiran dan kemampuan guru dapat melahirkan kesan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

positif dalam diri seseorang guru itu. Beban tugas yang tidak seimbang menyebabkan berlakunya bebanan kerja. Bebanan kerja yang terlalu banyak akan membuat pekerja merasa terbeban, manakala bebanan tugas yang terlalu sedikit pula akan membuat pekerja berasa jemu kerana hanya melakukan tugas yang sama sahaja setiap hari.

Beban tugas bermaksud semua tugas atau kerja yang berkaitan profesional, tanggungjawab dan minat yang mengambil masa seseorang pekerja. Pelbagai kajian telah dibuat untuk mengkaji beban tugas guru-guru serta tahap kepimpinan guru-guru tersebut terhadap tugas mereka sama ada dalam negara mahu pun luar negara. Isu beban tugas dan tahap kepimpinan ini dikaji bagi membuat penambahbaikan dalam tugas guru supaya guru-guru dapat melaksanakan tugas mereka mendidik dengan baik dan efisien.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhir-akhir ini, kita sering membaca dan mendengar pelbagai rungutan, isu yang berkaitan dengan tugas guru dan bebanan guru pada hari ini dalam menjalankan tugas yang dikemukakan oleh guru melalui kesatuan guru dan sebagainya. Oleh yang demikian, pihak kerajaan khasnya Kementerian Pendidikan mula memberi perhatian kepada isu-isu beban tugas guru yang semakin bertambah ini. Kebelakangan ini, guru-guru di sekolah dibebani dengan tugas sampingan seperti perkeranian, menguruskan hal-hal berkaitan sukan, perpustakaan, pengisian data-data secara atas talian yang mengambil masa untuk menyelesaikannya dan bermacam-macam lagi tugas yang mengganggu tugas hakiki mereka iaitu mengajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Salleh (1998) menyatakan bahawa peranan guru pada hari ini bukan sahaja sebagai pengembang ilmu pengetahuan dan pelatih kemahiran bahkan juga sebagai agen perubahan sosial. Kementerian Pendidikan seperti yang dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji tentang pelaksanaan Dasar Pelajaran Malaysia 1979 memperakui bahawa kekurangan kerani menyebabkan guru-guru terpaksa menjalankan tugas-tugas sampingan yang menyebabkan prestasi kerja mereka dalam tugas hakiki merosot dan terganggu.

Tugimin (2009), hasil kajian Kementerian Pelajaran Malaysia mendapati guru di Selangor, Melaka, Johor dan Kuala Lumpur menanggung bebanan tugas secara berlebihan iaitu bekerja 74 jam seminggu berbanding 48 jam yang dihadkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat beberapa kajian berkaitan isu-isu beban tugas guru. Tujuan kajian dibuat untuk memperbaiki keadaan ini melalui cara mengembalikan semula tugas hakiki guru iaitu menyampaikan ilmu atau mengajar murid-murid di dalam kelas tanpa terlalu dibebani dengan tugas-tugas sampingan yang lain.

Pengaruh guru terhadap tingkah laku dan pembentukan jati diri seseorang pelajar lebih kuat berbanding dengan ibu bapa mereka sendiri. Ini berlaku kerana tempoh masa bersama guru yang dihabiskan oleh pelajar di sekolah semenjak mereka tadika hinggalah mereka belajar di sekolah menengah lebih banyak dan lama. Di sekolah guru-guru memberi pendidikan secara formal manakala di rumah pula ibu bapa memainkan peranan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang sangat penting dalam memberi mereka pendidikan secara tidak formal kepada anak-anak mereka. Kajian Hamdan (2007), mendapati guru-guru berperanan sebagai pembentuk tingkah laku pelajar yang memberi motivasi dan dorongan kepada pelajar untuk berjaya kerana guru-guru diajar mengetahui sifat-sifat semula jadi manusia dari segi sosiologi, biologi dan psikologi.

Di samping itu, menurut Hamzah, Rosliza & Ahmad Johari Sihes (2001), guru juga mengetahui teori penyekutuan dan teori bidang dengan mengetahui penentu-penentu sosial dan perseorangan yang bertindak sebagai penggalak kepada pembelajaran. Selain itu, guru juga berperanan sebagai pemerhati perkembangan diri pelajar dari segi prestasi pembelajaran, emosi, sahsiah, rohani dan sebagainya ketika berada dalam bilik darjah. Seterusnya, guru sebagai tukang seni dan teknik di mana kebolehan sebagai tukang seni dalam pengajaran yang berkebolehan dalam melakukan kecerdasan, berkebolehan menilai personaliti dan menyimpan rekod dan berkebolehan dalam melakukan pemerhatian diri dan kumpulan. Akhir sekali, peranan guru sebagai ahli eksperimen yang mengetahui hasil-hasil penyelidikan dengan melakukan uji kaji dan membuat perubahan dalam pengajaran. Demikianlah tanggung jawab dan tugas guru yang diberi di samping telah terbeban dengan tugas-tugas akademik yang sedia ada.

Tugas guru semakin mencabar dari hari ke hari. Keadaan ini menuntut guru-guru menguasai pelbagai bidang ilmu seperti ketrampilan keguruan dan kependidikan, di samping menguasai sepenuhnya isi kandungan mata pelajaran yang diajarkan di sekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mahu pun di institusi pengajian tinggi. Penguasaan pelbagai ketrampilan serta kependidikan sangat membantu demi kelangsungan tugas sebagai seorang guru (Siti Hajar, 2013). Begitu juga dengan kemampuan seseorang guru menggunakan teknologi media terkini bagi menghasilkan pengajaran dan pemudah cara yang lebih menarik dan berkesan. Siti hajar (2013) turut menyatakan bahawa seseorang guru itu sekurang-kurangnya perlu memiliki ketrampilan berkomunikasi, pedagogi dan psikologi pendidikan serta penguasaan pelbagai teknologi yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajarannya.

Menurut Tugimin (2009), setiap guru mempunyai beban tugas dalam bidang kurikulum, kokurikulum, pembentukan sahsiah murid dan tugas- tugas perkeranian. Beban tugas ini bukan sekadar beban tugas hakiki guru iaitu mengajar dan menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas semata-mata tetapi juga berkaitan dengan sumbangan guru dalam menjalankan pelbagai tugas secara menyeluruh di sekolah. Hakikatnya, tugas seorang guru bukanlah suatu tugas yang boleh dianggap remeh seperti mana yang sering diperkatakan oleh masyarakat, tetapi tugas guru dalam mendidik para pelajar amat besar peranannya kerana merekalah penentu kejayaan dan kecemerlangan pelajar itu sendiri serta perubahan dalam sistem pendidikan di sekolah.

Kajian yang telah dibuat oleh Ambotang dan Hashim (2011), mendapati bahawa kebanyakan negara di dunia ini, profesion perguruan adalah salah satu pekerjaan yang memberi ketegangan yang banyak kepada seseorang individu. Daripada kajian ini beliau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merumuskan bahawa seseorang individu yang bertugas sebagai guru lebih terdedah kepada ketegangan berbanding pekerja-pekerja dalam bidang berorientasikan pengeluaran produk. Seseorang yang bekerja sebagai guru sentiasa berdepan dengan berbagai-bagai cabaran dan rintangan dalam melakukan tugas-tugas mereka seharian. Sebilangan besar dalam kalangan masyarakat menganggap bahawa tugas guru yang bekerja selama lima hari dan mendapat cuti yang banyak adalah menyeronokkan sememangnya salah sama sekali. Ini kerana tugas guru yang merangkumi tugas hakiki dan juga tugas bukan tugas hakiki amat berat dilaksanakan, (Siti Hajar, 2013). Guru-guru ditugaskan untuk menyediakan rancangan pengajaran dan mesti menghabiskan sukatan rancangan pelajaran tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan iaitu setahun di samping melaksanakan tugas-tugas sampingan yang lain yang mesti dilakukan dalam tempoh yang tidak menentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, guru-guru juga sentiasa berdepan dengan pemantauan dan pencerapan oleh jemaah nazir, pengetua dan guru besar, pegawai pendidikan daerah dan sebagainya yang menuntut komitmen yang tinggi dalam kalangan guru. Seterusnya, guru-guru yang bertugas di sekolah juga turut terlibat dengan pelbagai aktiviti dan program sekolah, program pendidikan daerah dan negeri seperti seminar, kursus, taklimat, mesyuarat, bengkel dan lain-lain dari semasa ke semasa yang sedikit sebanyak mengganggu tugas hakiki guru itu sendiri, (Siti Hajar, 2013). Keadaan inilah menyebabkan ada dalam kalangan guru yang mengalami tekanan kerja yang agak membimbangkan. Di samping itu juga, setiap kali berlaku perubahan dalam kurikulum sekolah, maka setiap kali itulah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

juga kewibawaan guru tercabar (Kamaruddin, 2007). Keadaan sebegini mengakibatkan emosi guru-guru terganggu dan seterusnya memberi impak dalam kerjaya dan proses pengajaran guru tersebut.

Perubahan demi perubahan yang berlaku dalam bidang pendidikan menuntut guru-guru berubah secara mendadak sehingga wujud bebanan tugas yang keterlaluan. Contohnya, apabila terdapat pegawai baharu di peringkat pendidikan daerah, negeri dan kementerian, maka banyaklah idea dan buah fikiran baharu yang mesti dilaksanakan serta dipertanggungjawabkan kepada guru (Sahhari, Mohd Fitri & Sarimah Ismail., 2006). Tambahan, Galton dan MacBeath (2008), yang telah menjalankan kajian di Nova Scotia, New Brunswick, Prince Edward Island, Newfoundland dan Labrador di Kanada, mendapati bahawa sebilangan besar guru telah membuat aduan tentang masalah tempoh masa untuk melaksanakan sesuatu tugas seperti menyediakan rancangan pengajaran harian, jumlah pelajar yang ramai dalam satu-satu kelas, tugas-tugas tambahan yang semakin banyak, masalah disiplin dalam kalangan pelajar, kerja-kerja perkeranian dan pelbagai lagi tugas lain yang terpaksa dilakukan oleh mereka.

Menurut Tuan Mohd Fadlan (2006), tugas dan tanggungjawab guru bukan setakat mengajar sahaja, malah guru diwajibkan berada di kawasan sekolah sekurang-kurangnya lima minit sebelum sekolah bermula. Guru-guru bertugas untuk mengambil kedatangan pelajar setiap hari dan merekod kedatangan tersebut secara atas talian, membuat persediaan mengajar setiap hari, menanda buku-buku latihan murid, memberi kerja-kerja

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rumah kepada semua pelajar, mengganti guru yang tidak hadir ke sekolah kerana masalah kecemasan dan sebagainya.

Di samping itu, Rahim (2012), menyatakan bahawa guru-guru juga dipertanggungjawabkan untuk menjaga keselamatan perabot supaya keselamatan murid terjamin dan melaporkan kerosakan perabot sekolah kepada pengetua sekolah. Seterusnya, guru juga bertugas untuk memungut wang persatuan, kelas, kelab yang menganjurkan lawatan sambil belajar dan menjemput penceramah.

Kamaruddin (2007) turut menyatakan bahawa pembahagian tugas yang tidak seimbang dalam kalangan guru-guru telah menyebabkan ada guru yang tidak berpuas hati dan berasa telah dibebani dengan tugas yang banyak. Antara peranan dan tugas guru-guru di sekolah yang memerlukan komitmen dan mengambil masa yang banyak ialah menjadi guru penasihat persatuan, setiausaha sukan, setiausaha peperiksaan, guru bilik darjah, guru disiplin, guru buku teks, guru biasiswa dan kebajikan, guru pengiring, guru penasihat, guru bertugas mingguan dan bermacam-macam lagi. Tidak tersenarai banyaknya tugas-tugas sampingan seorang guru di sekolah.

Selain daripada itu, menurut kajian oleh Arzizul dan, beban tugas guru amat berkait rapat dengan motivasi guru. Motivasi guru merupakan dorongan dalam diri guru dalam melaksanakan tugas yang diberikan kepadanya (Arzizul & Norizah, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Motivasi guru boleh dibahagikan kepada dua iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Beban tugas akademik dan beban tugas bukan akademik yang diberikan akan mempengaruhi motivasi guru, seterusnya akan mempengaruhi keefisienan kerja guru (Arzizul & Norizah, 2018). Pada pendapat pengkaji juga, guru pada masa kini turut dibebani dengan tugas-tugas yang tidak berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurut kajian daripada Abdul Said Ambotang dan Norhayati Bayong (2018), dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tekanan kerja dalam kalangan guru lelaki dan perempuan. Begitu juga berdasarkan faktor kategori perkhidmatan guru tidak terdapat perbezaan antara komitmen kerja guru. Turut dibincangkan di dalam kajian ini adalah mengenai dapatan kajian-kajian lepas yang telah menunjukkan bahawa antara penyebab utama kepada tekanan kerja guru ialah beban tugas, salah laku pelajar, tekanan masa,suasana kerja dan perhubungan antara staf. Pengkaji-pengkaji lepas juga mendapati bahawa profesion perguruan adalah bidang kerjaya yang menghadapi tekanan kerja yang tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.2 Kepimpinan Guru

Menurut Norashikin et al., (2015), isu serta perkara berkaitan kepimpinan guru haruslah diberi perhatian yang serius. Ini kerana kepimpinan guru merupakan salah satu aspek serta agen perubahan bagi mewujukan persekitaran sekolah yang baik dan berkesan. Menurut Abdul Ghani (2009), kepimpinan guru adalah satu proses seseorang guru mempengaruhi pelajarnya ke arah mencapai matlamat yang ditetapkan secara bersama. Kepimpinan guru juga dapat meningkatkan pencapaian pelajar sekiranya guru berjaya mendidikan dan menerapkan aspek positif dalam diri pelajarnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Hussein (2008), kepimpinan guru dapat memberi kesan kepada pelajar bagi mengembangkan potensi diri untuk mencapai kejayaan dalam bidang kurikulum dan kokurikulum. Sememangnya, kejayaan sekolah amat bergantung kepada corak dan cara kepimpinan guru yang diamalkan di sekolah. Terdapat kajian mengatakan sesebuah sekolah kurang berjaya sekiranya tidak mempunyai kepimpinan guru (*Institute for Educational Leadership* [IEL], 2008). Dalam laporan kajian temu bual, semua pengetua melihat pemimpin guru sebagai ahli yang penting dalam pasukan pentadbiran mereka. Tanpa penglibatan pemimpin guru, pengetua atau guru besar dan sekolah mereka tidak akan mencapai kejayaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kepentingan kepimpinan guru turut disokong oleh kajian Nor Asma Sheirnawani et al., (2015). Empat amalan kepimpinan guru dikenal pasti melalui kajian yang berjudul "Keesahan Model Amalan Kepimpinan Guru iaitu i) Memudahkan penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar, ii) Membangunkan melalui organisasi sekolah dan pengurusan pentadbiran. iii) Meningkatkan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan, dan iv) Membuat sumbangan teladan ke arah menjadi pemimpin rujukan. Kepimpinan sekolah melibatkan guru-guru dalam membuat keputusan akan mempengaruhi ramai pelajar memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang. Semakin ramai guru terlibat dalam membuat keputusan, semakin tinggi nilai moral wujud dalam sesuatu organisasi. Justeru, semakin banyaklah penyertaan dan komitmen untuk melaksanakan matlamat sekolah (Angellie, Nixon. Norton. & Niles, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penglibatan guru dalam membuat keputusan dikenali sebagai autonomi. Menurut kajian Aziah dan Abdul Ghani Kanesan (2014), autonomi dan akauntabiliti yang diberikan kepada guru akan memberi impak kepada kesediaan guru. Kajian itu melibatkan seramai 788 orang guru yang dipilih secara rawak daripada 60 buah sekolah autonomi di Malaysia. Kedua-dua aspek amalan desentralisasi ini memberikan implikasi yang besar dari segi peningkatan kemahiran guru dan lebih bersedia untuk menjadi individu yang profesional di sekolah.

Kesediaan guru akan membantu setiap guru dalam organisasi bersikap terbuka, berkomunikasi dengan baik dan bersedia untuk melakukan perubahan yang dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memberikan impak yang positif terhadap pencapaian sekolah secara menyeluruh dan berterusan (Sahak, 2009). Menurut Curtis (2013), melalui pemberian autonomi kepada pemimpin guru, mereka akan berfikir secara meluas. Mereka boleh membayangkan bagaimana cara terbaik untuk membantu pelajar mereka dan menyumbang kepada peningkatan prestasi sekolah dari pelbagai segi.

Kajian Sahak (2009), menyatakan bahawa hubungan yang rapat antara guru dengan murid dan sikap guru terhadap kerja amat penting dalam mengekalkan tingkah laku guru yang positif. Komunikasi yang membina dapat menyediakan atmosfera dan iklim bilik darjah yang sangat baik. Interaksi antara pelajar dan guru boleh membantu membangunkan harga diri dan keyakinan pelajar. Secara tidak langsung, guru akan berasa puas hati dengan hasil kerja mereka. Dengan itu, kedua-dua pihak akan berasa bersemangat apabila belajar dan mengajar.

Model keberkesanan guru telah dikaji oleh Siti Rafiah, Sharitah Sariah, dan Nik Ahmad (2012), dapat menentukan domain pembentukan guru berkualiti dalam mewujudkan pembelajaran pelajar. Hasil kajian mereka menunjukkan keupayaan kognitif dan kemahiran interpersonal guru mampu meningkatkan prestasi guru dan prestasi murid di dalam bilik darjah khasnya. Nilai profesional guru yang terdiri daripada kualiti, kemahiran dan pengetahuan profesional akan memberi kesan kepada pengurusan pembelajaran pelajar dan seterusnya meningkatkan pembelajaran serta pencapaian murid. Dengan kemahiran interpersonal guru sahaja adalah tidak mencukupi untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

meningkatkan komitmen dan tanggungjawab guru terhadap pelajar mereka tetapi guru perlu dilengkapi dengan kecekapan kognitif serta berpengetahuan luas.

Pencapaian murid yang lemah sering kali dikaitkan dengan kelemahan kompetensi ataupun ketidakcekapan pengajaran guru. Hakikat ini tidak dapat dinafikan kerana seseorang guru yang tidak cekap menyampaikan pengajaran sudah tentu tidak mampu menyampaikan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti kepada murid. Dalam kajian Mohd Yusri Aziz (2014) telah menyatakan bahawa guru yang hilang keyakinan diri atau efikasi akan menyebabkan kompetensi pengajaran lemah. Ini akan menyebabkan gejala tekanan di kalangan guru seterusnya menjejaskan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu juga, kajian daripada Khalip Musa dan Nee Ngie Seng (2017) telah merumuskan bahawa kepimpinan guru di sekolah-sekolah mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik murid. Implikasi kajian jelas menunjukkan bahawa amalan kepimpinan guru mampu mempengaruhi pencapaian akademik pelajar di sekolah (Khalip Musa & Nee Ngie Seng, 2017). Dapatan kajian juga telah mendapati bahawa tahap kepimpinan guru adalah berada pada tahap tinggi kerana skor min kepimpinan guru ialah sebanyak 3.81.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut kajian Elangkumaran Davarajoo iaitu, Hubungan Antara Kepimpinan Pengajaran Guru Besar dengan Komitmen Kerja dan Kepuasan Kerja Guru Sekolah Rendah di Zon Tanjung Karang, terdapat beberapa model teori kepimpinan yang telah diutarakan di dalam kajian tersebut bagi meninjau keberkesanan tingkah laku kepimpinan pengajaran guru besar. Kajian juga telah mendapati para guru besar telah mengamalkan kepimpinan pengajaran guru besar pada tahap yang tinggi (Davarajoo, 2018). Selain itu, kajian ini turut mendapati faktor-faktor demografi responden kalangan guru dapat mempengaruhi tahap kepimpinan pengajaran guru besar.

Selain daripada itu, kajian oleh Dg Norizah, Soon Singh dan Roslee Talip telah membincangkan tentang profesion keguruan, berkenaan dengan motivasi kerja yang semakin menurun. Menurut kajian tersebut, motivasi kerja semakin menurun berlaku adalah kerana seorang guru berasa tidak lagi bersemangat untuk mengajar sehingga hilangnya focus (Dg Norizah, Soon Singh & Roslee Talip 2017). Secara keseluruhannya, dapatan kajian tersebut telah mendapati bahawa amalan kepimpinan guru adalah sederhana dan turut mendapati bahawa guru mengamalkan semua amalan kepimpinan guru berdasarkan kepada tujuh dimensi yang disarankan oleh Katzenmeyer dan Moller seperti kesedaran kendiri, motivasi dan pengembangan diri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Rumusan

Isu beban tugas guru adalah sesuatu yang bersifat global dan akibatnya boleh memberi kesan dan impak kepada kepimpinan guru di sekolah. Perbincangan mengenainya telah dibicarakan melalui kajian – kajian tempatan dan luar negara. Ini menunjukkan bahawa 'beban tugas guru' merupakan salah satu dari isu yang diakui kehadirannya oleh masyarakat serta pemimpin negara. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa kajian seumpama ini terutama yang membincangkan hubungan beban tugas guru dan kepimpinan guru itu sendiri masih kurang dikaji di Malaysia. Persekitaran kajian yang berkaitan dalam profesion perguruan dan masalah yang dihadapi, di mana beban tugas guru dan isu-isu berkaitan dengan kepimpinan guru telah digunakan sebagai panduan dan timbang tara kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pengenalan

Metodologi merupakan kaedah dan proses yang dilakukan oleh penyelidik semasa menjalankan kajian. Menggunakan metodologi yang sesuai akan memastikan kajian yang dijalankan menjadi lebih teratur dan tersusun serta dapat memastikan jangka masa yang telah dirancang dapat dicapai dengan baik. Di dalam bab ini akan membincangkan sub-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sub topik seperti rekabentuk kajian, populasi kajian, persampelan, instrumen kajian, kajian rintis, kesahan instrumen, kebolehpercayaan instrumen, prosedur pengumpulan data dan penganalisisan data. Bagi memperoleh hasil kajian yang baik, kajian metodologi merupakan aspek penting yang perlu diberi perhatian supaya pengkaji dapat melihat kaedah yang digunakan sesuai dengan pembolehubah dan hipotesis yang dikaji. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian secara kuantitatif, iaitu data-data dikumpul dari borang soal selidik. Menurut Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin (2016), mentakrifkan kajian kuantitatif menggunakan statistik serta bersifat numerikal dengan parameter yang boleh diukur.

Kajian ini merupakan kajian dalam kuantitatif, bentuk deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif yang akan dikumpulkan untuk mengukur tahap beban tugas guru dan tahap kepimpinan guru. Statistik inferens*Analysis of variance* (ANOVA) digunakan untuk mengukur tahap perbezaan beban tugas guru mengikut pengalaman kerja guru. Statistik inferenskorelasi digunakan untuk mengukur hubungan beban tugas guru dengan kepimpinan guru di sekolah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan suatu tatacara bagi mengumpul dan mengolah data berdasarkan perancangan yang khusus dan sistematik dalam kajian (Chua, 2006). Kajian ini menggunakan data kuantitatif. Bentuk deskriptif, inferens ANOVA dan inferenskorelasi digunakan. Data deskriptif merujuk pada data pemboleh ubah dalam bentuk skor min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan (Hamidah, Jamal. & Khalip. 2014).

Statistik ANOVA digunakan untuk membandingkan skor min sekurang- kurangnya tiga atau lebih kumpulan sampel tidak bersandar untuk mengenal pasti sama ada mempunyai perbezaan yang signifikan dalam skor min populasi sampel yang dipilih (Hamidah et al., 2014). Dalam bahagian kajian ANOVA, pengalaman kerja guru ialah pemboleh ubah tidak bersandar dengan lima kumpulan sampel iaitu 5 tahun ke bawah, 6-10 tahun, 11-15 tahun, 16-20 tahun dan 21 tahun ke atas.

Statistik inferenskorelasi berfungsi untuk menghuraikan perhubungan antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah bebas. Selain itu, ia juga bertungsi untuk mengukur kekuatan hubungan linear antara kedua-dua pemboleh ubah (Hamidah et al, 2014). Dalam bahagian kajian korelasi, beban tugas guru ialah pemboleh ubah bebas manakala kepimpinan guru ialah pemboleh ubah bersandar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Populasi Dan Sampel

Populasi kajian merupakan sekumpulan orang yang dijadikan tumpuan penyelidikan dan kesimpulan kajian akan merujuk kepada populasi ini (Hamidah et al, 2014). Dalam kajian ini, populasi merujuk kepada kesemua guru yang mengajar di Sekolah rendah dalam daerah Perak Tengah. Terdapat 58 buah sekolah rendah di daerah Perak Tengah dan jumlah guru yang mengajar di semua sekolah tersebut adalah sebanyak 1169 orang. Pemilihan sampel yang merujuk kepada pemilihan populasi kesemua guru yang mengajar di daerah Perak Tengah adalah kerana tidak ada lagi kajian yang dibuat bagi mengkaji isu beban tugas guru serta tahap kepimpinan dalam kalangan guru sekolah rendah di Perak Tengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pensampelan merupakan proses memilih sebilangan responden kajian daripada sesuatu populasi (Chua, 2011). Saiz sampel kajian ini ditentukan berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Berdasarkan jadual saiz sampel beliau, sebanyak 291 orang guru dipilih sebagai sampel daripada 1169 orang (dibundarkan menjadi 1200) orang guru dalam populasi. Senarai nama guru mengikut susunan abjad diperoleh supaya penyelidik dapat membuat pemilihan sampel secara rawak sistematik dengan cara menggunakan formula sistematik iaitu 1200/291=4 (n=4). Semua guru 1169 akan ditandakan mulai no 1 hingga 1169 dan guru yang dipilih adalah mulai nombor 1, 4, 8, 12,16,20…1169 sehingga mencapai angka 291 sampel (Othman Talib, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Instrumen Kajian

Sesuatu kajian perlu mempunyai instrumen kajian yang pendek dan ringkas untuk dijawab. Menurut Chua (2013). responden yang diberi kebebasan untuk meluahkan pandangannya dan bukan melalui paksaan akan bermotivasi untuk terus menjawab sekiranya pandangannya dihormati, dihargai dan diterima oleh pengkaji melalui item yang dibina. Instrumen kajian ini terdiri daripada tiga bahagian. iaitu Bahagian A. Bahagian B. dan Bahagian C. Bahagian A terdiri daripada maklumat responden, Bahagian B terdiri daripada 60 item yang berkaitan beban tugas guru. Bahagian C terdiri daripada 49 item yang berkaitan dengan Kepimpinan Guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesemua item dalam Bahagian A dibina oleh pengkaji sendiri. 60 Item Beban Tugas Guru dalam Bahagian B diubahsuai daripada instrumen yang pernah dibuat oleh pengkaji terdahulu iaitu Muhammad Shukri (1997) dan 49 item Kepimpinan guru dalam Bahagian C adalah disesuaikan serta diterjemahkan daripada borang soal selidik Teacher Leadership School Survey (TLSS) daripada Katzenmeyer dan Moller (2009). Soal selidik terdapat pada Lampiran. Jadual 3.1 di bawah menunjukkan sumber item dalam soal selidik kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1

Sumber Soal Selidik Kajian

Bahagian	Perkara	Bilangan Item	Sumber
Bahagian A	Maklumat Responden 2	7	Tiada
Bahagian B	Beban Tugas Guru (Skala Likert 5)	60	Disesuaikan pada borang soal selidik pengkaji terdahulu Muhammad Shukri Bin Salleh (1998)
Bahagian C	Kepimpinan Guru (Skala likert 5)	49	Diterjemahkan daripada borang soal selidik Teacher Leadership School Survey (TLSS) Daripada Katzenmeyer dan Moller (2009)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1 Bahagian A: Demografi Responden

Bahagian ini mengandungi maklumat peribadi guru, iaitu jantina, umur, taraf perkahwinan, keturunan, dan pengalaman mengajar, gred jawatan dan jawatan pentadbiran.

3.4.2 Bahagian B: Soal Selidik Beban Tugas Guru

Bahagian B ini mengandungi 60 item soal selidik yang menilai tahap beban tugas guru di sekolah. (seperti pada lampiran)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2

Skala Likert Lima Mata Bagi Instrumen Bahagian B

Mata	Deskripsi
1	Amat Tidak Berat
2	Tidak berat
3	Kurang berat
4	Berat
5	Amat berat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.3 Bahagian C: Soal Selidik Kepimpinan Guru

Bahagian C mengandungi 49 item soal selidik yang menilai kepimpinan guru di sekolah. Soal selidik kepimpinan guru tersebut menggunakan skala Likert 5 mata yang ditunjukkan di jadual 3.3 bawah.

Jadual 3.3

Skala Likert Lima Mata Bagi Instrumen Bahagian C

Mata	Deskripsi
1	Tidak Pernah
2	Sekali Sekala
3	Kadang-kadang
4	Agak Kerap
5	Kerap

3.5 Kajian Rintis

Kajian rintis merupakan kajian kecil yang dilaksanakan sebelum kajian sebenar dilakukan. Kajian rintis dijalankan untuk melihat kebolehlaksanaan atau kemunasabahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

B29 Guru terlibat dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan perubahan sekolah.	1.4% [4]	16.5% [48]	27.8% [81]	38.5% [112]	15.8% [46]	3.50	0.990
B30 Guru dapat mengeluarkan pendapat tentang apa dan bagaimana sesuatu itu dilakukan.	1.4% [4]	3.4% [10]	35.4% [103]	42.6% [124]	17.2% [50]	3.70	0.839
B31 Guru dan pentadbir berkongsi keputusan tentang berapa banyak masa yang diperlukan dan bagaimana cara itu diuruskan.	1.4% [4]	3.4% [10]	36.1% [105]	42.3% [123]	16.8% [49]	3.69	0.837
B32 Guru-guru dan pentadbir di sekolah saya memahami dan menggunakan proses persetujuan bersama.	1.4% [4]	3.8% [11]	19.9% [58]	55.3% [161]	19.6% [57]	3.87	0.811
B33 Guru-guru mengambil bahagian dalam pemilihan ketua pasukan ataupun ketua panitia	2.4% [7]	6.9% [20]	27.8% [81]	48.8% [142]	14.1% [41]	3.65	0.890
B34 pendapat dan idea saya diterima oleh pentadbir di sekolah saya	0.7% [2]	3.4% [10]	32.0% [93]	53.3% [155]	10.7% [31]	3.69	0.732
B35 kami cuba untuk mencapai kata sepakat dalam membuat keputusan penting.	0.7% [2]	1.7% [5]	20.3% [59]	55.3% [161]	22.0% [64]	3.96	0.744
Keseluruhan Aspek Penyertaan						3.68	0.835

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan analisis tersebut, nilai skor min tertinggi adalah bagi penyataan B35 iaitu ‘Kami cuba untuk mencapai kata sepakat dalam membuat keputusan penting’ dengan nilai min adalah 3.96 (s/p = 0.744). Seramai 77.3% daripada 225 orang responden menyatakan ‘selalu’ dan ‘agak kerap’ (Jadual 4.16). Manakala 20.3% responden menyatakan ‘kadang-kadang’ dan 2.4% ‘sekali-sekala’ dan ‘tidak pernah’. Ini menunjukkan majoriti guru di sekolah akan mencapai kata sepakat bagi membuat keputusan yang penting.

Nilai min terendah yang diperolehi adalah bagi penyataan B29 iaitu ‘Guru terlibat dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan perubahan sekolah’ dengan nilai min adalah 3.50 (s/p = 0.990). Seramai 54.3% responden menyatakan ‘selalu’ dan ‘agak kerap’. Manakala hanya 27.8% responden menyatakan ‘kadang-kadang’. Namun selebihnya iaitu 17.9% mengakui ‘sekali-sekala’ dan ‘tidak pernah’ dengan penyataan ini. Ini menunjukkan penglibatan guru dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan perubahan sekolah adalah agak tinggi. Kesimpulannya berdasarkan jadual 4.16, Tahap Kepimpinan Guru aspek penyertaan secara keseluruhannya adalah ‘amat kerap’ (min = 3.68; s/p =0.835). Selain itu juga, di dalam borang soal selidik yang telah diedarkan, terdapat tujuh soalan atau item berbentuk pernyataan berkaitan Tahap Kepimpinan Guru di Sekolah Rendah Daerah Perak Tengah aspek komunikasi terbuka iaitu (B36 – B42). Untuk menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu ‘apakah Tahap Kepimpinan Guru di Sekolah Rendah Daerah Perak Tengah aspek komunikasi terbuka, jadual di bawah menunjukkan hasil analisis yang telah diperolehi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.17

Taburan Pendapat Responden Bagi Aspek Komunikasi Terbuka.

Penyataan	TP	SS	KK	AK	S	Min	SP
B36 Oleh sebab guru-guru dan pentadbir berkongsi idea tentang kerja kami, saya peka terhadap apa yang sedang berlaku.	0.7% [2]	2.4% [7]	23.4% [68]	58.4% [170]	15.1% [44]	3.84	0.722
B37 Di sekolah saya, semua orang bercakap dengan bebas dan terbuka mengenai perasaan dan pendapat mereka.	0.7% [2]	5.5% [16]	30.6% [89]	50.5% [147]	12.7% [37]	3.69	0.788
B38 Pentadbir dan guru-guru di sekolah saya berkongsi perasaan dan keprihatinan secara produktif.	0.7% [2]	2.7% [8]	27.5% [80]	53.3% [155]	15.8% [46]	3.80	0.754
B39 Guru-guru di sekolah saya berbincang dan membantu sesama sendiri dalam menyelesaikan masalah.	0.3% [1]	3.4% [10]	20.6% [60]	44.3% [129]	31.3% [91]	4.02	0.830
B40 Pentadbir dan guru di sekolah saya bercakap tentang cara yang lebih baik untuk berkhidmat kepada pelajar-pelajar kita dan keluarga mereka.	0.7% [2]	1.7% [5]	21.0% [61]	60.8% [177]	15.8% [46]	3.89	0.699

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.17 *(sambungan)*

Penyataan	TP	SS	KK	AK	S	Min	SP
B41 Apabila kesilapan berlaku kami cuba untuk tidak menyalahkan mana-mana pihak, malah berbincang tentang cara-cara untuk melakukannya dengan lebih baik pada masa akan datang.	0.3% [1]	2.4% [7]	36.1% [105]	45.0% [131]	16.2% [47]	3.74	0.764
B42 Masa mesyuarat digunakan untuk perbincangan dan penyelesaian masalah.	0.7% [2]	1.4% [4]	28.5% [83]	46.45 [135]	23.0% [67]	3.89	0.789
Keseluruhan Aspek Komunikasi Terbuka						3.84	0.764

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan analisis tersebut, nilai skor min tertinggi adalah bagi penyataan B39 iaitu ‘Guru-guru di sekolah saya berbincang dan membantu sesama sendiri dalam menyelesaikan masalah’ dengan nilai min adalah 4.02 (s/p = 0.830). Seramai 75.6% daripada 220 orang responden menyatakan ‘selalu’ dan ‘agak kerap’ (Jadual 4.17).

Manakala hanya 20.6% responden menyatakan ‘kadang-kadang’ dan 3.7% ‘sekali-sekala’ dan ‘tidak pernah’. Ini menunjukkan majoriti guru akan berbincang dan membantu satu sama lain untuk menyelesaikan masalah. Nilai min terendah yang diperolehi adalah bagi penyataan B37 iaitu ‘Di sekolah saya, semua orang bercakap dengan bebas dan terbuka mengenai perasaan dan pendapat mereka’ dengan nilai min adalah 3.69 (s/p = 0.788). Seramai 73.5% responden menyatakan ‘selalu’ dan ‘agak kerap’.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala 30.6% responden menyatakan ‘kadang-kadang’. Namun terdapat 6.2% mengakui ‘sekali-sekala’ dan ‘tidak pernah’ dengan penyataan ini. Ini menunjukkan sebahagian besar guru mempunyai kebebasan untuk bersuara dan mengemukakan pendapat masing-masing.

Kesimpulannya berdasarkan jadual 4.17, Tahap Kepimpinan Guru aspek komunikasi terbuka secara keseluruhannya adalah ‘amat kerap’ (min = 3.84; s/p =0.764).

Di dalam borang soal selidik yang telah diedarkan, terdapat tujuh soalan atau item berbentuk pernyataan berkaitan Tahap Kepimpinan Guru di Sekolah Rendah Daerah Perak Tengah aspek persekitaran yang positif iaitu (B43 – B49). Untuk menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu ‘apakah Tahap Kepimpinan Guru di Sekolah Rendah Daerah Perak Tengah aspek persekitaran yang positif, jadual di bawah menunjukkan hasil analisis yang telah diperolehi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.18

Taburan Pendapat Responden Bagi Aspek Persekitaran Yang Positif.

Penyataan	TP	SS	KK	AK	S	Min	SP
B43 Guru-guru dianggap sebagai golongan profesional di sekolah	1.0% [3]	0.7% [2]	10.3% [10]	44.3% [129]	43.6% [127]	4.28	0.760
B44 Guru-guru di sekolah saya berharap untuk datang bekerja setiap hari.	1.0% [3]	1.0% [3]	28.5% [83]	41.9% [122]	27.5% [80]	3.93	0.832
B45 Terdapat satu kepuasan umum terhadap persekitaran kerja dalam kalangan guru-guru di sekolah saya.	1.0% [3]	1.0% [3]	19.6% [57]	56.7% [165]	21.6% [63]	3.96	0.739
B46 Guru-guru dan pentadbir di sekolah saya bekerjasama dalam menjalankan tugas.	1.0% [3]	0.7% [2]	10.0% [29]	60.5% [176]	27.8% [81]	4.13	0.694
B47 Guru-guru di sekolah saya dihormati oleh ibu bapa, pelajar dan pentadbir.	1.0% [3]	0.7% [2]	18.6% [54]	60.1% [175]	19.6% [57]	3.96	0.708
B48 Guru besar dan guru-guru di sekolah saya bekerja dalam satu pasukan.	1.0% [3]	1.0% [3]	6.5% [19]	58.4% [170]	33.0% [96]	4.21	0.696
B49 Kami berasa proaktif mengenai cara-cara kami memenuhi keperluan pelajar-pelajar (Proaktif: bersifat positif dengan merangka dan mengawal tindakan yang dilakukan jauh lebih awal daripada jangkaan akan berlakunya sesuatu perkara atau kejadian).	1.0% [3]	1.0% [3]	11.3% [33]	63.2% [184]	23.4% [68]	4.06	0.691
Keseluruhan Aspek Persekitaran Yang Positif						4.08	0.731

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan analisis tersebut, nilai skor min tertinggi adalah bagi penyataan B43 iaitu ‘Guru-guru dianggap sebagai golongan profesional di sekolah saya’ dengan nilai min adalah 4.28 (s/p = 0.760). Seramai 87.9% daripada 256 orang responden menyatakan ‘selalu’ dan ‘agak kerap’ (Jadual 4.18). Manakala hanya 10.3% responden menyatakan ‘kadang-kadang’ dan 1.7% ‘sekali-sekala’ dan ‘tidak pernah’.

Ini menunjukkan majoriti bersetuju bahawa guru-guru dianggap sebagai golongan professional di sekolah. Nilai min terendah yang diperolehi adalah bagi penyataan B44 iaitu ‘Guru-guru di sekolah saya berharap untuk datang bekerja setiap hari’ dengan nilai min adalah 3.93 (s/p = 0.832). Seramai 69.4% responden menyatakan ‘selalu’ dan ‘agak kerap’. Manakala hanya 28.5% responden menyatakan ‘kadang-kadang’. Namun terdapat 2.0% mengakui ‘sekali-sekala’ dan ‘tidak pernah’ dengan penyataan ini. Ini menunjukkan sebahagian besar guru amat berharap untuk datang bekerja pada setiap hari.

Kesimpulannya berdasarkan jadual 4.18, Tahap Kepimpinan Guru aspek persekitaran yang positif secara keseluruhannya adalah ‘amat kerap’ (min = 4.08; s/p =0.731).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.19

Keputusan Analisis Skor Min Tahap Kepimpinan Guru

Aspek	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Tumpuan Pembangunan	3.66	0.870	Amat Kerap
Pengiktirafan	3.85	0.730	Amat Kerap
Autonomi	3.69	0.802	Amat Kerap
Hubungan Kerjasama	3.89	0.788	Amat Kerap
Penyertaan	3.68	0.835	Amat Kerap
Komunikasi Terbuka	3.84	0.764	Amat Kerap
Persekitaran Yang Positif	4.08	0.731	Amat Kerap
Keseluruhan Kepimpinan Guru	3.77	0.789	Amat Kerap

Kesimpulannya tahap kepimpinan guru berdasarkan jadual 4.20, Tahap Kepimpinan Guru secara keseluruhannya adalah ‘Amat Kerap’ (min = 3.77; s/p =0.789).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6 Analisis ANOVA dan Pengujian Hipotesis Kajian

Bahagian ini akan membincangkan hasil dapatan perbezaan bagi menjawab pesoalan kajian ke tiga. Satu hipotesis dijawab di dalam bahagian ini dan dipersembahkan dalam bentuk jadual yang berseuaian. Ianya menjelaskan perbezaan antara beban tugas guru mengikut pengalaman kerja guru di sekolah rendah dalam daerah Perak Tengah. Dalam kajian ini mengkaji telah menjalankan satu hipotesis bagi membincangkan keputusan kajian dengan menggunakan ujian ANOVA satu hala. Dalam kajian ini pengakaji menentukan sama ada menolak atau menerima hipotesis nul yang telah ditetapkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7 Keputusan ANOVA Bagi Beban Tugas Mengikut Pengalaman

Bahagian ini adalah berkaitan dengan persoalan kajian ketiga untuk melihat perbezaan antara beban tugas guru mengikut pengalaman kerja guru di sekolah rendah dalam daerah Perak Tengah.

4.7.1 Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara beban tugas guru mengikut pengalaman kerja guru di sekolah rendah dalam daerah Perak Tengah.

Berdasarkan ujian ANOVA satu hala yang dilakukan dilihat bahawa terdapat perbezaan yang signifikan tahap beban tugas guru berdasarkan pengalaman responden

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pada nilai p<.05(F=4,290, sig=4.143, p=.003). Perincian keputusan ditunjukkan dalam jadual 4.20.

Jadual 4.20

Ujian ANOVA Beban Tugas Guru Berdasarkan Pengalaman Responden.

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig
Between Groups	16379.106	4	4094.777	4.143	.003
Within Groups	282644.199	286	988.266		
Total	299023.306	290			

Nilai signifikan dalam kajian ini adalah .003, iaitu lebih rendah dari .05. Dengan itu hipotesis nol ditolak dan dapat dirumuskan bahawa terdapat perbezaan *statistic* yang signifikan bagi beban tugas berdasarkan pengalaman kumpulan respondan yang berbeza. Ini bermakna perbezaan antara min tahap beban tugas bukan disebabkan kebetulan tetapi kesan daripada varians yang sistematik disebabkan pengalaman. Oleh itu ujian *post hoc Turkey LSD* telah dijalankan unuk mengenalpasti pasangan pengalaman yang mana mempunyai perbezaan min yang signifikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.21

Test of Homogeneity of Variances

Levene Statistic	df1	df2	Sig.
.846	4	286	.497

Berdasarkan jadual 4.21 Test of Homogeneity of Variances, ia menunjukkan bahawa nilai p = 0.497, bermakna p > 0.05. Ini bermakna varian adalah homogenous antara kumpulan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.22

Keputusan Turkey Multiple Comparisons bagi Pengalaman

(I) Pengalaman	(J) Pengalaman	Mean Difference (I-J)	Std.Error	Sig.
1-5 tahun	6-10 tahun	-10.94803	6.95707	.117
	11-15 tahun	-24.64933*	7.12941	.001
	16-20 tahun	-23.25374*	7.26118	.002
	21 tahun ke atas	-15.75479*	6.80287	.021

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6-10 tahun	1-5 tahun	10.94803	6.95707	.117
	11-15 tahun	-13.70130*	5.57431	.015
	16-20 tahun	-12.30572*	5.74188	.033
	21 tahun atas	-4.80676	5.15010	.351
11-15 tahun	1-5 tahun	24.64933*	7.12941	.001
	6-10 tahun	13.70130*	5.57431	.015
	16-20 tahun	1.39559	5.94952	.815
	21 tahun atas	8.89454	5.38062	.099
16-20 tahun	1-5 tahun	23.25374*	7.26118	.002
	6-10 tahun	12.30572*	5.74188	.033
	11-15 tahun	-1.39559	5.94952	.815
	21 tahun atas	7.49895	5.55404	.178
21 tahun ke atas	1-5 tahun	15.75479*	6.80287	.021
	6-10 tahun	4.80676	5.15010	.351
	11-15 tahun	-8.89454	5.38062	.099
	16-20 tahun	-7.49895	5.55404	.178

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keputusan yang dijana menunjukkan terdapat 10 nilai signifikan yang kecil atau sama dengan p=.05. Ini bermakna terdapat perbezaan statistik yang signifikan dalam beban tugas bagi lima opsyen yang dibandingkan. Perbandingan *post hoc* menggunakan ujian *Turkey LSD* menunjukkan min skor pasangan opsyen 1-5 tahun dengan 11-15 tahun, 1-5 tahun dengan 16-20 tahun, 1-5 tahun dengan 21 tahun keatas, 6-10 tahun dengan 11-15 tahun, 6-10 tahun dengan 16-20 tahun, 11-15 tahun dengan 1-5 tahun, 11-15 tahun dengan 6-10 tahun, 16-20 tahun dengan 1-5 tahun, 16-20 tahun dengan 6-10 tahun, dan 21 tahun keatas dengan 1-5 tahun mempunyai perbezaan yang signifikan kerana nilai yang dijanakan lebih kecil dari nilai p=.05 (lihat jadual 4.21).

Rumusan hipotesis kajian disenaraikan dalam bentul jadual seperti di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.23

Rumusan Hipotesis Kajian

Bil	Hipotesis	Keputusan
1	Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara beban tugas guru mengikut pengalaman kerja guru di sekolah rendah dalam daerah Perak Tengah.	ANOVA 1 hala. Terdapat perbezaan tahap beban tugas yang signifikan berdasarkan pengalaman mengajar. Hipotesis nul ditolak Post hoc- Ujian Tukey: (*bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.23 *(sambungan)*

	a. 10 pasangan pengalaman mengajar- terdapat perbezaan statistic yang signifikan terhadap beban tugas
	b. 10 pasangan pengalaman mengajar- tidak terdapat perbezaan statistic yang signifikan terhadap beban tugas

4.8 Analisis Korelasi dan Pengujian Hipotesis Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian ini akan membincangkan hasil dapatan analisis korelasi (hubungan) bagi menjawab persoalan kajian ke empat dan satu hipotesis akan dijawab di dalam bahagian ini dan dipersembahkan dalam bentuk jadual yang bersesuaian.Ianya akan menjelaskan hubungan antara beban tugas guru dengan kepimpinan guru di sekolah rendah dalam daerah Perak Tengah. Dalam ujian ini, pengkaji akan menentukan sama ada menolak atau menerima hipotesis nul yang telah ditetapkan.

4.8.1 H_{o2}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara beban tugas guru dengan kepimpinan guru di sekolah rendah dalam daerah Perak Tengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.24

Analisis Korelasi Antara Beban Tugas Dengan Tahap Kepimpinan

Pembolehubah	Nilai mata korelasi (r)	Nilai sig (p)	Kekuatan hubungan
Beban Tugas	.029	.626	Sangat Lemah.

**Signifikan pada aras keertian p<0.05

Jadual 4.25

Penentuan Korelasi Berdasarkan Pekali Korelasi (r)

Nilai Pekali Korelasi (r)	Interpretasi
0.91 hingga 1.00	Sangat Kuat
0.71 hingga 0.90	Kuat
0.51 hingga 0.70	Sederhana
0.31 hingga 0.50	Lemah
0.01 hingga 0.30	Sangat Lemah
0.00	Tiada Korelasi

(Sumber: Chua Yan Piaw, 2013)

Berdasarkan analisis kolerasi yang telah dilakukan, dilihat bahawa mata korelasi yang diperolehi adalah .029 dengan nilai signifikan adalah p=0.626 iaitu hubungan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sangat lemah (Jadual 4.25). Ini bermakna keputusan kajian adalah menerima H_{o2}. Kajian ini mendapati bahawa tiada hubungan signifikan di antara beban tugas guru terhadap kepimpinan guru. Ini menunjukkan bahawa bebanan tugas guru bukanlah merupakan faktor utama yang memberi kesan terhadap tahap kepimpinan guru di sekolah rendah dalam daerah Perak Tengah.

4.9 Rumusan

Soalan-soalan kajian telah dijawab dengan analisis data. Analisis deskriptif, iaitu min dan inferens, iaitu ujian ANOVA dan ujian korelasi telah digunakan dalam kajian ini. Dalam kajian ini, tahap beban tugas guru berada pada tahap yang sederhana manakala tahap kepimpinan guru adalah pada tahap tinggi. Selain itu. terdapat perbezaan tahap beban tugas guru mengikut pengalaman kerja guru. Hubungan antara beban tugas guru dengan kepimpinan adalah tidak signifikan di mana hipotesis nul adalah diterima.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

BAB 5

RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Pengenalan

Bab ini akan membentangkan hasil dapatan kajian yang telah dilaporkan dan kesesuaiannya menjawab objektif-objektif kajian yang telah ditetapkan. Perbincangan yang dibuat merangkumi rumusan kajian, perbincangan dapatan kajian serta implikasi kajian. Melalui perbincangan antara hubungan beban tugas guru dengan kepimpinan guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengkaji mengemukakan beberapa cadangan yang wajar diutarakan sebagai refleksi kepada keseluruhan kajian disertasi ini.

5.2 Rumusan Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan mengkaji beban tugas guru dan hubungannya dengan kepimpinan guru di sekolah rendah dalam daerah Perak Tengah. Kajian ini telah dijalankan dengan mendapatkan data daripada 291 responden dari guru-guru sekolah daerah Perak Tengah. Instrumen utama kajian ini diterjemahkan daripada borang soal selidik Teacher Leadership School Survey (TLSS) daripada Katzenmeyer dan Moller (2009). Kajian ini berbentuk kuantitatif. Analisis data dilakukan dengan program SPSS Versi 20.0 menggunakan statistik deskriptif dan inferens. Berikut merupakan dapatan daripada data yang telah dikumpulkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.1 Tahap Beban Tugas Guru

Secara umumnya, hasil kajian menunjukkan bahawa tahap beban tugas guru di sekolah rendah daerah Perak Tengah adalah pada tahap yang ‘kurang berat’ dengan min 3.39. Beban Tugas Guru Dari Aspek Tugas Akademik mempunyai skor min 3.35 manakala min bagi Tahap Beban Tugas Guru Dari Aspek Tugas Bukan Akademik ialah 3.43. Berdasarkan hasil soal selidik, beban tugas guru dari aspek akademik yang mempunyai nilai min tertinggi adalah merujuk kepada pernyataan A20, ‘membuat saringan LINUS’ dengan nilai min 3.76 yang menunjukkkan bahawa tugas itu berada di tahap ‘berat’ menurut Tahap Kecenderungan Skor Min Bagi Data 5 Skala (Ramlee dan Noraini, 2007). Ini menunjukkan tugas berkaitan LINUS merupakan beban utama guru dan tindakan pihak kementerian pendidikan menghapuskan LINUS adalah amat bertepatan. Tugas-tugas lain yang dianggap berat dan turut berada di tahap tinggi adalah merujuk kepada tugas mengisi borang transit pentaksiran, merekod data saringan LINUS serta mengisi data online LINUS.

Selain itu dapatan kajian bagi tahap beban tugas guru dari aspek bukan akademik menunjukkan bahawa tugas yang mempunyai nilai skor min tertinggi dengan nilai min 3.9 ialah merujuk kepada penyataan A60 iaitu ‘menggunakan FROG VLE dalam PdPc’. Terdapat 20 tugas yang disenaraikan sebagai tugas yang berada di tahap berat manakala 14 tugas lain yang disenaraikan mempunya skor min tahap kurang berat. Secara keseluruhannya tahap beban tugas guru dari aspek tugas akademik dan bukan akademik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berada di tahap kurang berat yang membawa erti guru-guru dapat menanggung beban tugas sedia ada dengan tanpa rasa tekanan.

Dapatan kajian yang menunjukkan tahap beban tugas guru berada di tahap yang kurang berat selari dengan kajian yang dijalankan oleh Rosnah Ishak dan Siti Nur Fatihah Rusman dalam kajian mereka iaitu, Prestasi Kerja Guru dan Hubungannya Dengan Faktor Beban Tugas, Persekitaran Kerja dan Personal: Kajian Kes di Sebuah Sekolah di Sabah. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa kesemua faktor termasuk tahap beban tugas guru menunjukkan keselarian yang sederhana berdasarkan nilai min (Rosnah Ishak, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.2 Tahap Kepimpinan Guru

Secara keseluruhan dalam kajian, didapati tahap kepimpinan guru untuk guru-guru di sekolah rendah dalam daerah Perak Tengah adalah tinggi dengan nilai min 3.77. Tahap kepimpinan guru dalam kajian ini diuji mclalui domain budaya sekolah yang menyokong kepada pembentukan kepimpinan guru yang disarankan oleh Katzenmeyer dan Moller (2009) iaitu pengiktirafan, autonomi, hubungan kerjasama, tumpuan pembangunan, penyertaan, komunikasi terbuka dan persekitaran yang positif. Semua daripada aspek tersebut iaitu tumpuan pembangunan, pengiktirafan, autonomi, hubungan kerjasama,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyertaan, komunikasi terbuka dan persekitaran yang positif mempunyai nilai min yang berada ditahap amat kerap berdasarkan Tahap Kecenderungan Skor Min Bagi Data 5 Skala (Ramlee dan Noraini, 2007). Berdasarkan analisis skor min tahap kepimpinan guru dapat dirumuskan bahawa tahap kepimpinan guru untuk guru-guru di sekolah rendah daerah Perak Tengah adalah pentadbir sekolah amat kerap mengurus sekolah dalam aspek pembangunan, hubungan kerjasama, penyertaan, komunikasi, persekitaran positif, autonomi dan pengiktirafan.

Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian Norashikin et al., (2015), kajian Siti Aida (2011) dan kajian Noor Azam (2012). Kajian Norashikin menyatakan bahawa tahap kepimpinan guru di 40 buah sekolah menengah harian di negeri Johor, Malaysia adalah pada tahap yang tinggi. Dalam kajian Siti Aida (2011) turut menunjukkan bahawa amalan kepimpinan guru adalah pada tahap yang tinggi dalam kalangan guru-guru Sains dan Matematik Sekolah Menengah di Shah Alam. Menurut Noor Azam (2012) tentang kepemimpinan guru, kepemimpinan guru di sekolah menengah di daerah Segamat berada pada tahap yang tinggi. Guru yang mengamalkan kepimpinan guru di tahap yang tinggi akan berusaha untuk mewujudkan pelbagai inisiatif untuk memajukan sekolah serta memastikan kejayaan pelajarnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.3 Perbezaan Antara Beban Tugas Guru Mengikut Pengalaman Kerja Guru

Dalam kajian ini juga didapati terdapat perbezaan skor min yang signifikan terhadap min skor 10 pasangan iaitu pasangan opsyen 1-5 tahun dengan 11-15 tahun, 1-5 tahun dengan 16-20 tahun, 1-5 tahun dengan 21 tahun keatas, 6-10 tahun dengan 11-15 tahun, 6-10 tahun dengan 16-20 tahun, 11-15 tahun dengan 1-5 tahun, 11-15 tahun dengan 6-10 tahun, 16-20 tahun dengan 1-5 tahun, 16-20 tahun dengan 6-10 tahun, dan 21 tahun keatas dengan 1-5 tahun. Secara ringkasnya, dalam kajian ini, didapati tahap beban tugas guru daerah Perak Tengah dipengaruhi oleh pengalaman mengajar responden. Hal ini berlaku kerana pengalaman yang lebih banyak dalam perkhidmatan guru di sekolah rendah Perak Tengah memberikan mereka kelebihan dalam menyesuaikan diri dengan tugasan yang ada di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.4 Hubungan Beban Tugas Guru dengan Kepimpinan Guru

Secara umumnya, berdasarkan Analisis Korelasi Antara Beban Tugas Dengan Tahap Kepimpinan mata korelasi yang diperolehi adalah .029 dengan nilai signifikan p=0.626 yang menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan korelasi yang signifikan antara beban tugas guru dan kepimpinan guru. Berdasarkan dapatan kajian, hipotesis nul kajian adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diterima iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan antara beban tugas guru dengan kepimpinan guru di sekolah rendah dalam daerah Perak Tengah.

Hasil analisis ini memberi erti bahawa tedapat pelbagai faktor serta perkara lain yang mampu memberi kesan terhadap tahap kepimpinan guru di sekolah. Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa aspek kepimpinan di sekolah terutamanya aspek kepimpinan Guru Besar menjadi salah satu faktor yang akan mempengaruhi kepimpinan guru di sekolah. Menurut kajian penyelidik institut Aminuddin Baki (2004), terhadap sebelas buah sekolah kebangsaan yang telah berjaya membawa sekolah mereka memenangi tiga anugerah iaitu Anugerah Sekolah Harapan Negera, Anugerah Menteri Pendidikan dan Anugerah 3K Peringkat Kebangsaan. Dapatan kajian tersebut telah menunjukkan bahawa guru besar sebagai responden di sekolah rendah yang mementingkan kesemua aspek kepimpinan mampu membawa lebih banyak kejayaan kepada pihak sekolah.

Dapatan ini juga selari dengan kajian oleh Rosnah Ishak dan Siti Nur Fatihah Rusman iaitu, Prestasi Kerja Guru dan Hubungannya Dengan Faktor Beban Tugas, Persekitaran Kerja dan Personal: Kajian Kes di Sebuah Sekolah di Sabah. Hasil keputusan korelasi menunjukkan bahawa tidak terdapat sebarang hubungan di antara faktor beban tugas dengan prestasi. Korelasi di antara faktor beban tugas dengan prestasi kerja adalah tidak signifikan (Rosnah Ishak, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Perbincangan dapatan kajian

Daripada kajian-kajian lepas, didapati beban tugas guru serta tahap kepimpinan adalah salah satu isu pendidikan yang dikaji secara meluas bukan sahaja di dalam negara bahkan isu ini turut dikaji di luar negara. Secara ringkasnya beban tugas yang berlebihan telah memberikan pelbagai kesan positif mahupun negatif terhadap kepimpinan seorang guru. Beban tugas didefinisikan sebagai semua aktiviti yang mengambil masa pekerja dan berkait dengan tugas profesional, tanggungjawab dan minat. Menurut Salleh (1998), guru merupakan agen perubahan sosial di samping berperanan sebagai pelatih kemahiran dan pengembang ilmu pengetahuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan analisis yang dilakukan oleh pengkaji secara keseluruhannya tahap beban tugas guru dari aspek tugas akademik dan bukan akademik berada di tahap kurang berat yang membawa erti guru-guru dapat menanggung beban tugas sedia ada dengan tanpa rasa tekanan. Namun yang demikian berdasarkan analisis tersebut juga, dapat disimpulkan bahawa guru-guru disekolah mempunyai tugas tugas yang tidak terhad terhadap tugas akademik sahaja. Berdasarkan dapatan kajian, guru-guru sekolah rendah dalam daerah Perak Tengah terpaksa menanggung tugas-tugas bukan akademik yang banyak sebagai contoh; Menggunakan Frog VLe dalam PdPC, Mengutip pelbagai yuran dan bayaran, Menguruskan majlis sambutan tertentu seperti hari ibu bapa, hari sukan, sambutan lawatan pembesar, dan Menjadi kakitangan sumber dan memberikan perkhidmatan mengikut arahan jabatan seperti memberi kursus, ceramah dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis soal selidik tersebut membuktikan guru di sekolah bukan sahaja ditugaskan untuk tugas mengajar malah mereka telah dipertanggungjawabkan dengan pelbagai tugas-tugas lain yang menjadi bebanan kepada para guru misalnya tugas perkeranian dan pentadbiran, menguruskan kelab dan persatuan, menguruskan perpustakaan dan sebagainya. Hal ini turut diperakui oleh Kementerian Pelajaran seperti yang dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji tentang pelaksanaan Dasar Pelajaran Malaysia 1979 salah satu punca penambahan bebanan kepada tugas guru yang menyebabkan mereka terpaksa menjalankan tugas-tugas lain ini adalah kerana kekurangan kerani dan hal ini telah menyebabkan prestasi mereka dalam tugas ikhtisas terjejas (Salleh, 1998).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tugas guru amat berat kerana ianya merangkumi tugas pengajaran dan juga tugas bukan pengajaran (Siti Hajar, 2013). Tugas pengajaran memerlukan seseorang guru itu menghabiskan sukatan pelajaran dalam setahun dan juga banyak lagi tugas-tugas khas lain yang terpaksa dibuat dalam tempoh yang tidak menentu. Di samping itu, mereka juga terlibat dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum, menghadiri mesyuarat, berbengkel, seminar, kursus-kursus, memeriksa buku latihan, membuat persediaan mengajar dan pelbagai tugas lagi. Guru juga terpaksa berdepan dengan nazir, pengetua dan pegawai pendidikan daerah yang kerap mengadakan lawatan, memantau, mencerap dan menyelia kerja guru (Siti Hajar, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Katzenmeyer dan Moller (2009), Setiap sekolah mempunyai gergasi yang sedang tidur iaitu kepimpinan guru. Kepimpinan guru ini mampu menjadi pemangkin kuat untuk membuat perubahan bagi tujuan meningkatkan pembelajaran pelajar. Guru merupakan kumpulan terbesar pekerja sekolah dan paling dekat dengan pelajar. Kita boleh menyedarkan gergasi yang sedang tidur ini melalui pelbagai cara. Contohnya membantu guru mengakui bahawa mereka adalah pemimpin, menawarkan peluang untuk membangunkan kemahiran kepimpinan mereka dan mewujudkan budaya sekolah yang menghormati kepimpinan mereka. TLEC (2011) turut menyatakan bahawa bagi memudahkan penambahbaikan dalam pengajaran serta menggalakkan amalan pengajaran yang terbaik demi kelancaran proses pembelajaran pelajar, para guru yang mengambil tugas kepimpinan sekolah haruslah bekerjasama dengan pengetua serta pentadbir sekolah yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui hubungan kerjasama di antara guru-guru dan pengetua sekolah mahupun pentadbir sekolah yang lain, guru-guru akan mendapat sokongan penuh dalam menggalakkan inovasi dan mewujudkan budaya kejayaan di sekolah mereka. Selain itu, mereka akan mempengaruhi rakan setugas mereka untuk turut mewujudkan budaya kejayaan sekolah (Grant, 2006). Namun begitu, setiap sekolah mempunyai tahap kepimpinan gurunya yang berlainan. Menurut Katzenmeyer dan Mollcr (2009), guru perlu meneroka dapatan soal selidik dalam TLSS dan membuat definisi sendiri berkaitan kepimpinan guru sekolahnya dan memikirkan keperluan kepimpinan guru dalam membuat penambahbaikan dan perubahan di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan dapatan kajian berkaitan tahap kepimpinan guru, didapati tahap kepimpinan guru untuk guru-guru di sekolah rendah dalam daerah Perak Tengah adalah amat kerap. Tahap kepimpinan guru dalam kajian ini diuji mclalui domain budaya sekolah yang menyokong kepada pembentukan kepimpinan guru yang disarankan oleh Katzenmeyer dan Moller (2009) iaitu tumpuan pembangunan, pengiktirafan, autonomi, hubungan kerjasama, penyertaan, komunikasi terbuka dan persekitaran yang positif. Menurut Katzenmeyer dan Moller (2009), domain tumpuan pembangunan diuji untuk menguji budaya sekolah yang membantu guru dalam memperoleh kemahiran dan pengetahuan baharu serta menggalakkan untuk membantu guru lain belajar. Guru-guru diberi bantuan dari segi bimbingan dan panduan dalam kerjaya dan keperluan mereka. Domain pengiktirafan dapat menguji budaya sekolah yang memberi pengiktirafan kepada guru dari segi peranan dan sumbangan yang telah di buat. Adalah amat penting untuk memastikan semangat saling menghormati dan prihatin wujud dalam kalangan guru di sekolah.

Domain autonomi digunakan untuk menguji budaya sekolah dalam pemberian autonomi. Guru digalakkan untuk menjadi proaktif dalam membuat inovasi dan penambahbaikan. Selain itu, Katzenmeyer dan Moller (2009) menjelaskan domain hubungan kerjasama digunakan untuk menguji kerjasama dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pengajaran dan pelajar. Contoh, guru membincangkan strategi berkongsi bahan-bahan, atau hasil pemerhatian dalam satu bilik darjah antara satu sama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lain. Domain penyertaan pula digunakan untuk menguji budaya sekolah yang melibatkan guru secara aktif dalam membuat keputusan dan mempunyai input mengenai perkara-perkara penting seperti pemilihan ketua panitia ataupun ketua pasukan. Domain komunikasi terbuka menguji kesediaan sekolah dalam menerima dan menghantar maklumat yang berkaitan dengan keberkesanan fungsi sekolah secara jujur dan terbuka manakala domain persekitaran yang positif menguji tahap kepuasan umum terhadap persekitaran kerja. Berdasarkan analisis skor min tahap kepimpinan guru dapat dirumuskan bahawa tahap kepimpinan guru untuk guru-guru di sekolah rendah dalam daerah Perak Tengah adalah amat kerap dengan merangkumi aspek berikut; tumpuan pembangunan, pengiktirafan, autonomi, hubungan kerjasama, penyertaan, komunikasi terbuka dan persekitaran yang positif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, juga didapati wujudnya perbezaan skor min yang signifikan terhadap tahap kepimpinan guru berdasarkan pengalaman kerja guru. Berdasarkan analisis dari pengkaji, pengalaman guru yang mengajar 5 tahun ke bawah. 6-10 tahun, 11-15 tahun. 16-20 tahun dan 21 tahun merupakan salah satu faktor utama mempengaruhi tahap beban guru. Dalam kajian ini, didapati tahap beban tugas guru daerah Perak Tengah dipengaruhi oleh pengalaman mengajar responden. Pengalaman mengajar serta pengalaman menjalankan tugas sebagai seorang guru akan memberi kesan terhadap keupayaan guru tersebut dalam menjalankan tugas hakiki mereka di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan analisis kajian dalam Bab 4, perbincangan turut dibuat berkaitan hubungan antara dua pemboleh ubah berikut; beban tugas guru dan kepimpinan guru. Analisis kolerasi menunujukkan bahawa hipotesis kajian adalah ditolak. Dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara beban tugas guru dengan kepimpinan guru di sekolah rendah dalam daerah Perak Tengah. Hal ini membuktikan bahawa beban tugas guru bukan lah merupakan sebuah faktor yang mampu memberi kesan terhadap kepimpinan seseorang guru dalam menajalankan tugas hakiki mereka di sekolah.

Sebagai kesimpulan, dapatan kajian telah menjawab persoalan-persoalan kajian pengkaji. Tahap beban tugas guru di sekolah rendah daerah Perak Tengah berada di tahap kurang berat namun dapatan kajian juga membuktikan bahawa tugas-tugas guru di sekolah rendah daerah Perak Tengah tidak hanya merangkumi tugas akademik namun turut merangkumi tugas bukan akademik. Adalah penting supaya beban tugas guru yang mepunyai min berat seperti tugas berkaitan LINUS di beri perhatian oleh pihak sekolah dan kementerian kerana berdasarkan kajian pengkaji tugas tersebut merupakan beban utama guru. Tahap kepimpinan guru di sekolah rendah daerah Perak Tengah adalah amat kerap membuktikan bahawa guru-guru di Daerah Perak Tengah mengamalkan budaya sekolah yang menyokong kepada pembentukan kepimpinan guru yang disarankan oleh Katzenmeyer dan Moller (2009) iaitu tumpuan pembangunan, pengiktirafan, autonomi, hubungan kerjasama, penyertaan, komunikasi terbuka dan persekitaran yang positif. Dalam kajian ini juga didapati wujudnya perbezaan skor min yang signifikan terhadap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tahap kepimpinan guru berdasarkan pengalaman kerja guru membuktikan bahawa tahap beban tugas guru daerah Perak Tengah dipengaruhi oleh pengalaman mengajar responden.

Akhir sekali bagi menjawab persoalan kajian yang keempat, skor menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara beban tugas guru dengan kepimpinan guru di sekolah rendah dalam daerah Perak Tengah. Ini membuktikan bahawa walau guru terbeban dengan tugas akademik serta tugas bukan akademik yang banyak, ianya tidak memberi kesan yang signifikan terhadap tahap kepimpinan guru tersebut di sekolah. Oleh yang demikian dalam usaha pelbagai pihak bertanggungjawab seperti pihak Kementerian Pelajaran serta peranan pihak sekolah dalam membantu guru menangani masalah bebanan kerja yang dihadapi, adalah amat penting untuk pihak bertanggugjawab ini supaya turut memberi perhatian kepada faktor-faktor lain yang dapat memberi kesan kepada kepimpinan guru disekolah misalnya lima faktor yang terkandung di dalam Teori Motivasi Manusia yang diasaskan oleh Frederick Herzberg iaitu pencapaian, pengiktirafan, suasana kerja, kemajuan serta tanggungjawab.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 Implikasi kajian

Kajian ini memberi gambaran berkaitan dilema serta fenomena profesion perguruan yang merangkumi dua aspek penting iaitu beban tugas guru serta kepimpinan guru sekolah rendah dalam daerah Perak Tengah. Kajian ini berkepentingan kepada guru-guru sekolah rendah, pentadbir di peringkat sekolah dan juga di peringkat Jabatan Pendidikan serta Kementerian Pendidikan. Selain itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti serta mengkaji tahap hubungan diantara dua aspek penting dalam profesion perguruan ini iaitu beban tugas guru serta tahap kepimpinan mereka. Dapatan daripada hasil kajian ini dapat menjadi bahan rujukan bagi guru-guru di Perak Tengah terhadap isu bebanan tugas kerja serta tahap kepimpinan guru di sekolah rendah daerah mereka sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Adalah amat penting untuk pelbagai pihak bagi mengenal pasti tahap beban tugas guru bukan sahaja bagi guru di daerah Perak Tengah , supaya guru tidak dibebani dengan tugas yang menjangkau kemampuan mereka serta kajian ini juga penting untuk mengenal pasti tahap kepimpinan guru di sekolah supaya produktiviti setiap sekolah dapat dipertingkatkan. Tidak dapat dinafikan bahawa kecemerlangan sistem pendidikan negara sememangnya dipengaruhi kuat oleh peranan penting yang dimainkan oleh para pendidik. Mutu serta kualiti sistem pendidikan bergantung kepada tahap produktiviti dikalangan guru-guru. Melalui sistem pendidikan yang baik sesebuah negara mempunyai peluang yang cerah untuk mengorak langkah menuju status negara maju. Secara amnya, pengkaji berharap agar hasil daripada kajian ini dapat membantu pihak-pihak berikut;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.1 Implikasi kajian terhadap Guru-guru

Hasil dapatan kajian ini akan akan dapat dijadikan panduan serta maklumat tambahan kepada para guru tentang inisiatif serta cara untuk menangani serta menghadapi isu bebanan tugas guru yang semakin hari semakin meningkat. Hal ini berlaku kerana guru merasakan beban tugas yang diberikan terutama tugas-tugas selain tugas sedia ada mereka iaitu mengajar tidak berpadanan dengan masa yang ada. Jadi melalui kajian yang dijalankan ini guru-guru dapat meluahkan rasa serta memberikan maklumat berkaitan dengan tugasan yang dihadapi sebagai seorang guru. Selain itu, kajian ini juga membantu guru guru untuk mengenal pasti tahap kepimpinan diri masing-masing melalui penjelasan berkaitan Model Pembangunan Kepimpinan Guru yang dibina oleh Katzenmeyer dan Moller (2009).

Melalui kajian ini guru-guru dapat mengenal pasti tahap kelemahan kepimpinan mereka seterusnya memberikan mereka peluang untuk berusaha meningkatkan tahap kepimpinan mereka misalnya dengan melatih diri, melakukan tugasan dengan tekun serta berusaha mengajar orang lain tentang kemahiran kepimpinan di sekolah. Kajian ini turut dapat menambah pengetahuan guru-guru tentang tingkahlaku kepimpinan yang boleh dilakukan bagi membentuk modal insan sebagaimana yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.2 Implikasi kajian terhadap Pihak Pentadbir Sekolah

Maklumat yang diperoleh dari hasil kajian ini akan dapat membantu pihak pentadbir sekolah untuk membuat perancangan yang lebih baik terhadap aktiviti-aktiviti para guru di sekolah tersebut. Pihak pentadir serta pengurusan sekolah juga akan memahami impak serta tanggungjawab masing-masing bagi meningkatkan kepimpinan sekolah di samping memperoleh maklumat berkaitan masalah yang dialami oleh guru dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

Selain itu pihak pentadbir sekolah akan dapat mengenal pasti beban tugas guru yang merangkumi bukan sahaja aspek akademik malah aspek tugas bukan akademik. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat kepada pihak sekolah untuk merancang dan merangka latihan yang boleh dan perlu dilaksanakan bagi memantapkan lagi kepimpinan guru-guru serta diharapkan dapat mencetus idea pihak pentadbir sekolah untuk menambahbaik tingkahlaku kepimpinan guru dalam merancang proses pembelajaran dan pengajaran. Pihak pentadbir sekolah seharusnya bijak mengagih tugas-tugas bukan akademik kepada para guru supaya mereka tidak terbeban dengan tugas yang mereka tanggung sekali gus dapat mengelakkan tekanan pada para guru untuk menjalankan tanggungjawab yang lebih besar iaitu mendidik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.3 Implikasi kajian terhadap Pihak Jabatan Pendidikan dan Kementerian Pendidikan

